

Jilid IV
Bil. 14



Hari Rabu
14hb Disember, 1994

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
Senate

PARLIMEN KELAPAN
Eighth Parliament

PENGGAL KEEMPAT
Fourth Session
Fourth Session

KANDUNGAN

MENGANGKAT SUMPAH:

Y.B. Tan Sri Dato' Vadiveloo a/l Govindasamy [Ruangan 1929]
Y.B. Dato' Johan B.O.T. Ghani [Ruangan 1930]
Y.B. Tuan Rahim bin Baba
Y.B. Tuan Ding Seling
Y.B. Dato' Y.K.K. Teagarajan
Y.B. Tuan Chong Kab Kiat
Y.B. Puan Mastika Junaidah binti Husin
Y.B. Tuan Tan Son Lee
Y.B. Tuan Low Kai Meng

PEMILIHAN TUAN YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA
MENGIKUT PERKARA 56 PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN
[Ruangan 1929]

UCAPAN TERIMA KASIH DAN PENGHARGAAN
TUAN YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA [Ruangan 1930]

MENGANGKAT SUMPAH DI LUAR DEWAN:

Y.B. Datuk Dr. Jeffrey G. Kitingan
Y.B. Tuan Haji Zainal bin Md. Deros
Y.B. Tuan M. Zeevill @ Shanmugam a/l R.M.S. Mutaya [Ruangan 1931]

PEMILIHAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA
[Ruangan 1931]

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:
Mengalu-alukan Ahli-ahli Baru [Ruangan 1931]
Memperkenankan Akta-akta [Ruangan 1932]
Perutusan daripada Dewan Rakyat [Ruangan 1933]

URUSAN MESYUARAT [Ruangan 1933]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1934]

RANG UNDANG-UNDANG:
Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1994) (No. 2) 1994
[Ruangan 1975]

MALAYSIA

DEWAN NEGARA PARLIMEN KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEEMPAT

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' G. VADIVELOO A/L GOVINDASAMY, P.S.M., D.P.M.S., S.M.S., A.M.N. (Dilantik).
- „ „Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' HAJI ANNUAR BIN MUSA, S.I.M.P. (Dilantik).
- „ „Tuan Timbalan Yang di-Pertua, DATO' ADAM BIN KADIR, D.I.M.P. (Dilantik).
- „ „Timbalan Menteri Kewangan, DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Dilantik).
- „ „Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATUK DR. JEFFREY G. KITINGAN, P.G.D.K. (Dilantik).
- „ „Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DR. SAK CHENG LUM (Dilantik).
- „ „TUAN ABDUL RASHID BIN ISMAIL, A.M.N., P.K.T., P.J.K., P.J.M. (Pulau Pinang).
- „ „TUAN HAJI ABDUL SALAM BIN AWANG, A.M.N. (Dilantik).
- „ „ TUAN MICHAEL BONG THIAM JOON, A.B.S., J.B.S. (Dilantik).
- „ „PUAN HAJAH CHE PORA BINTI HAJI OMAR, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ „TUAN CHONG CHI SIONG *alias* CHONG FAH (Negeri Sembilan).
- „ „TUAN CHONG KAH KIAT (Dilantik).
- „ „TUAN FRANKIE CHONG YU CHEE, A.D.K. (**Sabah**).
- „ „TUAN FU AH KIW (Dilantik).
- „ „TUAN DING SELING (Dilantik).
- „ „TUAN HAJI DOL BIN DOLAH, A.M.N., P.P.N., J.P. (Melaka).
- „ „TUAN GHAZALI BIN HAJI EMBONG, P.J.K. (Dilantik).
- „ „PUAN HAJAH HABSHAH BINTI HAJI OSMAN, P.P.T., P.J.K. (Dilantik—Wilayah Persekutuan).
- „ „WAH HAMID EDRUCE BIN TUANKU HAJI MOHAMAD, A.B.S. (Sarawak).

- Yang Berhormat TUAN HANIPAH BIN AHMAD, P.J.K. (Perlis).
- „ TUAN IBRAHIM BIN DAUD, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Johor).
- „ „ TUAN ISLI BIN HAJI SIPUT (Dilantik—Wilayah Persekutuan Labuan).
- „ „ TUAN ITAM WALI BIN NAWAN, P.P.N. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI JAMALUDIN BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.N.S., P.M.C., P.J.K., J.C. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN JANGGU ANAK BANYANG, P.B.K. (Sarawak).
- „ „ TUAN JOHAN B.O.T. GHANI @ CHRISTOPHER, K.M.N. (Dilantik),
- „ PUAN KALTHOM BINTI HAJI OTHMAN (Kelantan).
- „ „ PUAN KELSOM BINTI YAACUB, A.M.P., P.J.K. (Pahang).
- „ „ PUAN KIAN SIT HAR, P.J.K., A.M.N., B.K.T., J.P. (Melaka).
- „ „ TUAN LIMUN LAIKIM (Sabah).
- „ „ TUAN LOW KAI MENG, P.J.K., J.P. (Perak).
- „ „ PUAN MASTIKA JUNAIDAH BINTI HUSIN (Dilantik).
- „ DATUK HAJI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Dilantik).
- „ DATO' MOHD. RADZI BIN MANAN, D.P.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).
- „ „ TUAN MOHD. ZAIN BIN HAJI MAT DAUD (Kelantan).
- „ TUAN NG SEE TIONG, A.M.N., P.I.S., P.K. (Johor).
- „ „ DATO' (IR.) NG THIAN HOCK, D.S.S.A., S.M.S., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ „ DR. NG YEN YEN, P.J.K. (Pahang).
- „ „ TUAN HAJI OTHMAN BIN YUNOS, K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Dilantik).
- „ „ PUAN HAJAH RAHAJAH BINTI BAHERAN. P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN RAHIM BIN BABA, A.M.P. (Dilantik).
- „ „ PUAN HAJAH RAHMAH BINTI SALLEH, P.J.K. (Terengganu).
- „ „ TUAN SAIDIN BIN MOHAMAD (Perlis).
- „ „ TUAN HAJI SALLEH @ HASSAN BIN ALI, P.J.K. (Terengganu).
- „ PUAN SRI SARASA PASAMANICKAM, A.M.N., P.I.S. (Dilantik).
- „ TUAN V. SARAVANAN A/L VELIAUDAYAR (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH SELEMIH BINTI HASHIM (Dilantik).

- Yang Berhormat DATO' SHAHIRUDDIN BIN AB. MOIN, D.I.M.P., P.K.T. (Dilantik).
- „ TUAN SHUIB BIN ENDUT, A.M.N., A.M.K., P.J.K. (Kedah).
- „ „, DATO' SOONG SIEW HOONG, S.M.S., K.M.N., D.P.M.S., J.S.M. (Dilantik).
- „ „, TUAN TAN SON LEE (Kedah).
- „ DATO' V.K.K. TEAGARAJAN, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik).
- „ „, TUAN TIONG THAI KING (Dilantik).
- „ DR. TOH KIN WOON, P.K.T. (Pulau Pinang).
- „ DATUK. K.VIJAYANATHAN A/L KESAVA PILLAI, D.J.N., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ „, DATIN HAJAH WAN INTAN BINTI HAJI WAN AHMAD TAJUDDIN, P.J.K., A.M.S. (Dilantik).
- „ „, DATUK DAVID YEOH ENG HOCK, D.M.S.M. (Dilantik).
- „ „, TUAN HAJI ZAINAL BIN MD. DEROS, S.S.A., P.J.K., J.P. (Selangor).
- „ DATO' ZAINOL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.M., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- „ „, PUAN HAJAH ZALEHA BINTI HUSSIN (Dilantik).
- „ „, TUAN M. ZEEVILL, @ SHANMUGAM A/L R.M.S. MUTAYA (Selangor).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar, K.M.N.

Penolong Setiausaha Kanan: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha Kanan: Zamani bin Haji Sulaiman.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penolong Penyunting: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop

Pelapor Perbahasan Kanan: Haji Suhor bin Husin.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kelsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd, Samad.

Jainah binti Sakimin.

Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Rabu, 14hb Disember, 1994

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

MENGANGKAT SUMPAAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah:

Y.B. Tan Sri Dato' Vadiveloo a/l Govindasamy.

**PEMILIHAN TUAN YANG
DI-PERTUA DEWAN NEGARA
MENGIKUT PERKARA 56
PERLEMBAGAAN
PERSEKUTUAN**

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan (Dato' Seri Anwar bin Ibrahim): Tuan Setiausaha dan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mohon mencadangkan iaitu Yang Berhormat Tan Sri Dato' G Vadiveloo a/l Govindasamy dipilih menjadi Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara selama satu tahun mulai 16hb Oktober 1994.

Menteri Pengangkutan (Dato' Seri Menteri Pengangkutan (Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik): Tuan Setiausaha dan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin menyokong Usul tersebut.

Tuan Setiausaha: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana hanya seorang ahli sahaja yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan disokong oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, maka menurut Peraturan Mesyuarat 2(3) saya memasyhurkan dengan rasminya bahawa

Yang Berhormat Tan Sri Dato' Vadiveloo a/l Govindasamy dipilih menjadi Yang di-Pertua Dewan Negara selama satu tahun mulai 16hb Oktober, 1994. *(Tepuk)*

**UCAPAN TERIMA KASIH DAN
PENGHARGAAN
TUAN YANG DI-PERTUA DEWAN
NEGARA**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat; saya berasa sangat sukacita kerana dipilih semula menjadi Yang di-Pertua Dewan Negara. Dengan ini saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia yang memberikan kepercayaan kepada saya untuk menjadi Yang di-Pertua Dewan Negara.

Di sini juga saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Timbalan Perdana Menteri yang telah mencadangkan pemilihan saya sebentar tadi. Moga-moga dengan kerjasama ahli-ahli sekalian saya akan dapat menunaikan tanggungjawab ini dengan sedaya-upaya saya.

MENGANGKAT SUMPAAH

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah. Ini telah mengangkat Sumpah:

1. Y.B. Dato' Johan B.O.T. Ghani.
2. Y.B. Tuan Rahim bin Baba.

3. Y.B. Tuan Ding Seling.
4. Y.B. Dato' V.K.K. Teagarajan.
5. Y.B. Tuan Chong Kah Kiat.
6. Y.B. Puan Mastika Junaidah binti Husin.
7. Y.B. Tuan Tan Son Lee.
8. Y.B. Tuan Low Kai Meng.

MENGANGKAT SUMPAH DI LUAR DEWAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 4(3), saya dengan ini memberitahu Majlis ini, iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat yang berikut telah mengangkat Sumpah di hadapan saya, Yang di-Pertua Dewan Negara di kamar saya, mengikut kehendak Jadual Keenam dalam Perlembagaan pada 11hb. Ogos, 1994:

1. Y.B. Datuk Dr. Jeffrey G. Kitingan.
2. Y.B. Tuan Haji Zainal bin Md. Deros, dan
3. Y.B. Tuan M. Zeevill @ Shanmugam a/I R.M.S. Mulaya.

PEMILIHAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan (Dato' Seri Anwar bin Ibrahim): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Yang Berhormat Dato' Adam bin Kadir dipilih menjadi Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara mulai dari 1hb. Disember 1993.

Menteri Pengangkutan (Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA MENGALU-ALUKAN AHLI-AHLI BARU

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang

Berhormat, saya mengucapkan Selamat Datang dan mengucapkan tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru dilantik, yang telah dilantik semula dan dipilih supaya dapat memberikan sumbangan yang berguna kepada negara yang kita cintai.

MEMPERKENANKAN AKTA- AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan Akta-akta yang telah dilulus oleh Parlimen dalam Mesyuarat yang lalu seperti berikut:

1. Akta Akademi Sains Malaysia 1994;
2. Akta-Perbekalan Tambahan 1994;
3. Akta Penggalakan Pelaburan (Pindaan) (No.2) 1994;
4. Akta Pecen (Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan) (Pindaan) 1994;
5. Akta Jalan, Parit dan Bangunan (Pindaan) 1994;
6. Akta Insurans (Pindaan) 1994;
7. Akta Saraan Hakim (Pindaan) 1994;
8. Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan (Pindaan) 1994;
9. Akta Bahasa Kebangsaan (Pindaan) 1994;
10. Akta Pembangunan Mineral 1994; dan
11. Akta Tabung Angkatat Tentera dan Tabung Bekas Perajunt (Pindaan) 1994.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rang' Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan tersebut.

Saya jemput Setiausaha membacakan perutusan. itu sekarang.

(Setiausaha membacakan Perutusan)

**PERUTUSAN DARIPADA DEWAN
RAKYAT KEPADA DEWAN
NEGARA**

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara memersetujukannya:-

1. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1994)(No. 2) 1994;
2. Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Keretapi Tanah Melayu (Pembubaran) 1994;
3. Rang Undang-undang Pencen Balu dan Anak-anak Yatim (Sabah) (Pindaan) 1994;
4. Rang Undang-undang Pencen Balu dan Anak-anak Yatim (Sarawak)(Pindaan) 1994;
5. Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Pindaan) 1994;
6. Rang Undang-undang Probet dan Pentadbiran (Pindaan) 1994;
7. Rang Undang-undang Perbadanan Amanah Raya 1994; dan
8. Rang Undang-undang Penghutang (Pindaan) 1994.

Yang ikhlas,

t.t.

Yang di-Pertua Dewan Rakyat

URUSAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Mustapa bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang tersebut dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di Mesyuarat ini:

1. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1994)(No. 2) 1994;
2. Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Keretapi Tanah Melayu (Pembubaran) 1994;
3. Rang Undang-undang Pencen Balu dan Anak-anak Yatim (Sabah) (Pindaan) 1994;
4. Rang Undang-undang Pencen Balu dan Anak-anak Yatim (Sarawak)(Pindaan) 1994;
5. Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Pindaan) 1994;
6. Rang Undang-undang "Probet dan Pentadbiran (Pindaan) 1994;
7. Rang Undang-undang Perbadanan Amanah Raya 1994; dan
8. Rang Undang-undang Penghutang (Pindaan) 1994.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

**JAWAPAN-JAWAPANMULUT
BAGI PERTANYAAN
PERTANYAAN**

1. Tuan Hanipah bin Ahmad minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah Pajak Gadaai Islam, Ar-Rahn yang sudah beroperasi dan berapakah jumlah penggadai yang telah meminta perkhidmatan sejak beroperasi hingga Jun 1994;
- (b) berapakah jumlah pinjaman yang telah diberikan dan adakah cadangan meluaskan perkhidmatan Ar-Rahn ke Sabah dan Sarawak; dan
- (c) berapakah mengikut kiraan peraturan golongan penggadai yang berasaskan kepada golongan berpendapatan rendah, sederhana dan golongan berada atau ahli perniagaan.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Mustapa bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pada hari ini terdapat 34 buah Cawangan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat) yang menawarkan perkhidmatan Pajak Gadai Islam atau lebih dikenali dengan Skim Ar-Rahn. Operasi skim pajak gadai ini bermula pada 27 Oktober tahun lalu, pada awalnya menggunakan 6 Cawangan Bank Rakyat. Setakat ini jumlah pelanggan yang menggunakan perkhidmatan Ar-Rahn adalah seramai 22,825 orang.
- (b) Sehingga 30 November yang lalu, jumlah pinjaman yang telah diberikan di bawah skim ini adalah sebanyak RM35,348,342.00 untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bank Rakyat sememangnya ada rancangan untuk memperluaskan skim ini ke Sabah dan Sarawak. Langkah pertamake arah ini telah pun dibuat dengan tertubuhnya cawangan Bank di Kota Kinabalu pada 27 Ogos yang lalu dan di Kuching pada 17 September yang lalu.
- (c) Daripada kaji selidik yang telah dibuat ke atas cawangan-cawangan Bank Rakyat yang mengadakan Skim Ar-Rahn, adalah didapati bahawa mereka yang mempunyai pendapatan antara RM501 hingga RM1,000 merupakan golongan yang terbesar yang menggunakan perkhidmatan Ar-Rahn. Malah mereka yang mempunyai pendapatan kurang RM1,000 sebulan merupakan kira-kira 71% daripada bilangan pelanggan kesemuanya sekali.

Pecahan terperinci adalah seperti berikut:

Pendapatan	Peratusan
Di bawah RM500	28%
RM501-RM1,000	43%
RM1,001-RM1,500	15%
RM1,501-RM2,000	6%
RM2,000 ke atas	3%

Dari segi pekerjaan pula, adalah didapati bahawa para peniaga dan kakitangan kerajaan merupakan bilangan pelanggan yang teramai di mana masing-masing merupakan 37% dan 31% daripada keseluruhan pelanggan.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya mempunyai dua soalan tambahan. Yang pertamanya, oleh kerana pajak gadai Islam ini sungguh popular di mana 22,850 orang telah pun terlibat di dalam pajak gadai ini, adakah kerajaan bercadang untuk memberikan lesen pajak gadai ini bukan hanya kepada Bank Rakyat tetapi juga kepada bank-bank yang lain.

Yang keduanya, mengikut cara pengiraan upah yang dikenakan kepada Bank Rakyat ialah antara RM0.40 sen hingga ke RM0.60 sen bagi setiap RM100 harga barang yang disimpan oleh pihak Bank Rakyat. Kalau seorang mengambil RM5,000 bermakna barang yang disimpan ialah RM10,000 dan kadar upah yang terpaksa dibayar untuk setahun ialah RM720. Ini bersamaan dengan 14.5% kalau dikira daripada kadar faedah. Apakah pihak kementerian tidak menganggap bahawa kadar ini adalah terlalu tinggi kerana tujuan pajak gadai Islam ini diadakan adalah untuk membantu golongan-golongan yang berpendapatan rendah seperti mana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, 71% daripada mereka yang menggunakan kemudahan ini terdiri daripada mereka yang berpendapatan kurang daripada RM1,000. Jadi, adakah pihak kementerian bercadang untuk mengurangkan lagi kadar upah untuk memegang barang-barang kemas yang dikenakan oleh pihak Bank Rakyat sekarang?

Dato' Mustapab bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, kadar upah yang ditetapkan oleh Bank Rakyat adalah berbeza bergantung kepada nilai barangan kemas yang disimpan dengannya. Untuk

makluman Ahli Yang Berhormat, kadarnya adalah dalam 'range' anlara RM0.50 sen hingga RM0.75 sen bagi setiap RM100 bergantung kepada nilai barangan yang disimpan itu. Berdasarkan kadar ini maka kadar keuntungan yang dikenakan adalah antara 9% hingga 14%.

Pada pandangan kerajaan kadar ini adalah munasabah khususnya berbanding dengan kadar yang dikenakan oleh pajak gadai profesional yang mana walaupun kadarnya ditetapkan oleh undang-undang pada tahap 24% hakikatnya ada di antara kedai-kedai ini yang mengenakan kadar faedah yang lebih daripada 24%. Selain itu, dengan adanya skim pajak gadai secara Islam ini akan mengurangkan masalah yang dihadapi oleh pelanggan khususnya dari segi eksploitasi yang sering kali berlaku termasuklah berkaitan dengan penilaian harga barang-barang yang kadang-kadang rosak dan hilang dan sebagainya. Maka dengan itu kerajaan berpendapat, kadar 9% hingga 14% yang dikenakan oleh Bank Rakyat pada masa ini adalah wajar.

Kedua, berkaitan dengan lesen, kerajaan tidak bercadang untuk mengeluarkan satu lagi lesen bagi membolehkan sesebuah syarikat kewangan yang lain melibatkan diri dalam kegiatan ini. Ini adalah untuk membolehkan pihak Bank Rakyat memperkukuhkan pemiagaannya, disama seperti yang kita sedia maklum, skim ini cuma beroperasi 1 tahun 2 bulan—baru sahaja, jadi, pada pandangan kerajaan, harus diberi kesempatan dan peluang sepenuhnya kepada Bank Rakyat untuk memastikan skim ini akan berjaya sepenuhnya sebelum pertimbangan yang selanjutnya diberi kepada institusi ini.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan lambahan. Saya ingin mendapat sedikit penjelasan; adakah pihak di antara 30 buah cawangan Bank Rakyat yang ada di seluruh Malaysia, termasuk juga Bank Rakyat yang ada di

Kelantan menjalankan akti viti pajak gadai Islam ini?

Dato' Mustapa bin Mohamad: Memang Kelantan termasuk dalam cawangan Bank Rakyat yang terlibat dalam Skim Ar-Rahn ini iaitu setakat ini sekurang-kurangnya satu - iaitu di Machang dan selain daripada itu kita dapati Kerajaan Negeri Kelantan pun ada mengendalikan skim yang sama tetapi kadar upahnya adalah lebih tinggi dan dengan itu kadar yang kita kenakan kepada peminjam-peminjam adalah lebih tinggi, iaitu dalam lingkungan 14% - 24%, berbanding dengan kadar yang dikenakan oleh Bank Rakyat di antara 9% hingga 14%.

KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJA DI KILANG-KILANG—TINDAKAN BERKESAN

2. Tuan Isli bin Haji Siput minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) adakah Menteri sedar bahawa walaupun selepas kempen keselamatan dan kesihatan pekerja oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, masih belum mengubah sikap sesetengah majikan kerana masih banyak lagi kilang-kilang terutamanya di Sabah yang belum mewujudkan bahagian kebajikan dan keselamatan pekerja serta terma dan syarat perkhidmatan. Jika sedar, apakah langkah yang boleh diambil secepatnya bagi mengatasi perkara ini.
- (b) mengapa pihak Jabatan Buruh tidak mengadakan lawatan mengejut yang tidak berjadual bagi mengelak majikan membuat persediaan keselamatan sementara saja yang mengelirukan dalam lawatan pemeriksaan mereka; dan

- (c) berapa ramai lagikah pekerja-pekerja yang belum mencarum kepada PERKESO dan berapa ramai setakat ini tindakan yang sudah diambil ke atas majikan yang gagal mencarum pekerja mereka.

Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' M. Mahalingam): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sukalah saya menjelaskan bahawa Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja tahun 1964 tidak memastikan bahawa setiap kilang di negara ini mewujudkan Bahagian Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaannya sendiri. Hanya kilang-kilang yang mempunyai jumlah pekerja seramai 40 orang atau lebih dikehendaki menubuhkan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan. Namun begitu, Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan sentiasa membuat lawatan ke kilang-kilang untuk memastikan peruntukan tersebut dipatuhi serta memberi penerangan dan panduan supaya jawatankuasa berkenaan ditubuhkan dengan sempurna dan berfungsi dengan berkesan.
- (b) Sukalah saya memaklumkan bahawa hal-ehwal keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat-tempat kerja adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan bukannya Jabatan Buruh. Jabatan tersebut sentiasa mengadakan lawatan pemeriksaan berjadual dan mengejut di tempat-tempat pekerjaan di seluruh negara.
- (c) Kementerian Sumber Manusia tidak ada rekod tepat berhubung dengan jumlah pekerja-pekerja yang belum mencarum kepada

PERKESO. Manakala bagi tempoh dari Januari hingga November 1994, seramai 57 majikan telah diambil tindakan kerana gagal mencarum kepada PERKESO. Namun begitu, sukalah saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, bahawa walaupun pekerja-pekerja yang layak itu tidak didaftarkan oleh majikan mereka, ianya tidak menjejaskan hak mereka untuk menerima faedah PERKESO jika berlaku sesuatu bencana kerja ke atas mereka. Perkara ini adalah dijamin kepada pekerja-pekerja di dalam Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969.

Dr. Toh Kin Woon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya adalah berkenaan dengan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. Saya ingin tahu sejak lulusnya Akta ini adakah terdapat apa-apa pembaikan dari segi insiden kemalangan di tempat kerja, iaitu umpamanya, adakah kadar kemalangan telah jatuh, kalau tidak adanya kemajuan sedemikian, saya ingin tahu apakah sebab-sebabnya?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua susah hendak kata adakah kadar itu turun sekarang, tetapi jumlah pemeriksaan yang dijalankan oleh kementerian saya setakat ini iaitu hingga bulan Ogos ini ialah 62,302 dan sebanyak 280 buah tempat pekerjaan telah dikeluarkan notis prohibilion improvement.

KWSP— PERATURAN-PERATURAN BARU

3. Datuk David Yeoh Eng Hock minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada kerajaan akan menimbang untuk mewujudkan peraturan-peraturan baru supaya memudahkan lagi pencarum-pencarum di KWSP mengeluarkan

simpanan mereka untuk keperluan-keperluan membeli rumah, membiayai perbelanjaan pendidikan dan lain-lain keperluan,

Dato' Mustapa bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini pihak KWSP menyediakan sebanyak 13 jenis skim pengeluaran untuk faedah ahli-ahli yang kini berjumlah lebih 7 juta orang. Antara bulan Januari hingga Ogos tahun ini, seramai 16,609, orang ahli telah menikmati pelbagai kemudahan tersebut yang melibatkan pengeluaran sebanyak RM1.7, bilion.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan semasa membentangkan Belanjawan Negara 1995 telah mengumumkan skim pengeluaran baru, simpanan Ahli KWSP yang merangkumi skim pra-persaraan dan skim persaraan. Skim baru ini berkuatkuasa mulai 1hb November yang lalu. Antara kemudahan tambahan di bawah skim pra-persaraan termasuklah kemudahan kesihatan, tambahan kelayakan jumlah pengeluaran bagi tujuan pembelian rumah dan kemudahan untuk mengurangkan baki pinjaman perumahan.

Di bawah skim persaraan pula, kemudahan baru, ialah pengeluaran persaraan yang berbentuk skim anuiti. Kemudahan-kemudahan baru yang saya sebutkan tadi merupakan tambahan kepada kemudahan-kemudahan KWSP yang sedia ada. Berhubung dengan pengeluaran simpanan bagi tujuan pembiayaan pendidikan, kerajaan pada masa ini telah memutuskan untuk tidak membenarkan ahli mengeluarkan simpanan mereka untuk tujuan tersebut.

Dr. Ton Kin Woon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setahu saya Kumpulan Wang Simpanan Pekerja setakat ini masih belum ada kemudahan untuk pencahuran-pencahurnya mengeluarkan simpanan mereka untuk membiayai perbelanjaan pendidikan. Mereka hanya dibenarkan mengeluarkan

simpanan untuk membeli rumah sahaja, pada hal pendidikan adalah sama penting, mungkin lebih penting lagi. Saya ingin tahu adakah KWSP mempunyai cadangan untuk menawarkan kemudahan ini? Kalau tidak, mengapa.

Dato' Mustapa bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua telah saya sebutkan bahawa pihak KWSP pada masa ini tidak bercadang untuk mengadakan skim pengeluaran bagi membiayai pendidikan. Ini adalah kerana KWSP merupakan satu skim bagi membolehkan ahli-ahlinya bersiap-sedia menghadapi hari tua. Sekiranya tambahan dibuat kepada 13 skim yang telah pun sedia ada, dan 3 yang diumumkan baru-baru ini menjadikan 16 skim semuanya sekali, ini bermakna peranan utama EPF sebagai simpanan untuk hari tua akan terjejas.

Selain dari itu ingin dimaklumkan bahawa simpanan ahli dalam EPF sebenarnya, jika dilihat secara purata kebanyakan ahli-ahli tidak mempunyai simpanan yang besar dalam EPF, Anggaran yang kita buat menunjukkan bahawa kira-kira 63% daripada ahli KWSP cuma mempunyai RM10,000 ke bawah dalam KWSP. Ini bermakna bahawa jumlah ataupun nilai caruman kebanyakan, mereka-sebanyak 63%, adalah kecil iaitu RM10,000 ke bawah.

AL-ARQAM—TINDAKAN SUSULAN

4. Puan Hajah Che Pora binti Haji Omar minta Perdana Menteri menyatakan;

- (a) adakah kerajaan bercadang untuk menghantar bekas pemimpin Al-Arqam keluar negeri khususnya Timur Tengah bagi tujuan membawa pengikutnya ke pangkal jalan;
- (b) setakat ini sejauh manakah pengakuan terbuka Asaari Muhamad dapat membawa

pengikut Al-Arqam pulang ke pangkal jalan; dan

- (c) apakah tindakan kerajaan terhadap pemimpin-pemimpin politik yang memburukkan imej Malaysia di luar negara.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Tuan Yang di-Pertua:

- (a) Pada masa ini didapati tidak ada keperluan untuk menghantar bekas pemimpin Al-Arqam ke luar negeri khususnya ke Timur Tengah kerana hampir seluruh pengikut Al-Arqam sudah kembali ke pangkal jalan.
- (b) Kesan pengakuan Asaari telah membawa hampir seluruh pengikut Al-Arqam kembali kepada pangkal jalan dan mereka telah sanggup menerima cadangan kerajaan untuk diserapkan ke dalam "main stream", dengan izin, masyarakat seperti rakyat biasa.
- (c) Kenyataan pemimpin-pemimpin politik di luar negara mengenai negara ini, sama ada yang memberikan gambaran positif mahupun yang negatif terhadap negara adalah sentiasa diawasi dan dikaji oleh pihak kerajaan. Sebarang tindakan yang hendak diambil akan bergantung kepada hasil kajian tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua: Tuan Haji Dol bin Dollah. Boleh seorang mewakili beliau untuk soalan ini?

Tuan Hanipah bin Abmad: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan nombor 5.

KOPERASI DALAM INDUSTRI PERKILANGAN DAN PELANCONGAN—JUMLAH PENYERTAAN

5. **Tuan Hanipah bin Ahmad** (*dibawah*

S.O. 23(2)) minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan setakat ini berapa banyakkah Koperasi yang menyertai dalam bidang industri perkilangan dan pelancongan.

Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi (Dato' Mohd. Noh Rajab): Tuan Yang di-Pertua, sehingga ini 4 buah koperasi telah menyertai dalam bidang industri perkilangan dan 5 buah koperasi dalam industri pelancongan.

Timbalan Yang di-Pertua: Puan Hajah Rahman binti Salleh.

Puan Kelsom binti Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan nombor 6.

PELAJAR PERUBATAN—JUMLAH

6. **Puan Kelsom binti Yaacob** (*dibawah S.O. 23(2)*) minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) berapa ramaikah bilangan pelajar yang mengambil jurusan perubatan yang akan tamat atau berakhir pada 1994 ini; dan
- (b) berapa jumlah pelajar lelaki dan berapa jumlah pelajar wanita.

Timbalan Menteri Pendidikan (Datuk Dr. Fong Chan Onn): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bilangan pelajar perubatan yang keluar pada tahun 1994 di universiti tempatan ialah seramai 405 orang pelajar;
- (b) Daripada bilangan tersebut, seramai 201 orang adalah lelaki dan 204 orang perempuan.

Dr. Toh Kin Woon: Soalan tambahan. Adakah angka yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan

tadi merangkumi mereka yang sudah mendaftarkan untuk kursus perubatan di kolej-kolej swasta dan juga yang menuntut perubatan di universiti-universiti seberang laut?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, tidak. Namun bilangan yang saya sebutkan adalah graduan dari universiti-iiniversiti tempatan.

KAWASAN PERDAGANGAN BEBAS

7, Tuan Ghazali bin Haji Embong minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan adakah permintaan Malaysia diterima dalam usaha mewujudkan kawasan perdagangan bebas serta penempatan jadual waktu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Datuk S. S. Subramaniam); Tuan Yang di-Pertua, Malaysia tidak pernah meminta diwujudkan kawasan perdagangan bebas melainkan dalam kerjasama ekonomi ASEAN ke arah mewujudkan kawasan perdagangan bebas ASEAN atau AFTA. Dalam rundingan mewujudkan AFTA, kita telah berjaya memelihara kepentingan negara, mengambil kira jadual pelaksanaannya mulai 1993.

Persetujuan telah dicapai baru-baru ini untuk meningkatkan tempoh pelaksanaan AFTA daripada 15 tahun kepada 10 tahun. Segala rancangan yang dibuat bertujuan meraih kebaikan ekonomi yang maksimum bagi Malaysia:

MENGGALI/MENGOREK JALAN PERSEKUTUAN—TINDAKAN TERHADAP KONTRAKTOR

8. Tuan Haji Othman bin Yunos minta Menteri Kerja Raya menyatakan adakah kementeriannya bercadang mengambil

tindakan kepada kontraktor-kontraktor yang menggali/mengorek jalan tanpa kebenaran terlebih dahulu.

Timbalan Menteri Kerja Raya (Tuan Kerk Choo Ting): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya sentiasa memberi perhatian yang serius kepada kontraktor-kontraktor yang menggali/mengorek Jalan Persekutuan tanpa kebenaran. Sekiranya di dapati perkara itu berlaku, Kementerian Kerja Raya melalui agensinya iaitu Jabatan Kerja Raya akan mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:

- (i) mengarahkan supaya kerja-kerja dihentikan dan meminta kontraktor tersebut mengemukakan permohonan bagi melaksanakan kerja-kerjanya. Kelulusan akan hanya diberi dengan syarat kontraktor dapat memenuhi keperluan-keperluan tertentu iaitu:
 - (a) menyediakan papan tanda yang mencukupi untuk menjaga keselamatan pengguna-pengguna jalan raya berkenaan;
 - (b) jalan-jalan yang digali atau dikorek itu dapat diperbaiki semula dengan sempurna mengikut spesifikasi yang ditetapkan; dan
 - (c) tidak menimbulkan masalah kepada perancangan Kementerian Kerja-Raya yang sedia ada; dan
- (ii) melaporkan kepada Jabatan Polis untuk mengambil tindakan sewajarnya sekiranya didapati kontraktor yang terlibat itu tidak memperdulikan arahan yang diberikan.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya percaya Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar

bahawa kegiatan kontraktor-kontraktor menggali dan juga mengorek jalan ini menyebabkan berlaku kesesakan lalu-lintas. Apakah Yang Berhormat bersetuju dengan cadangan saya iaitu apabila satu pihak ingin menggali ataupun mengorek sebatang jalan, apakah Yang Berhormat bersetuju kalau saya cadangkan supaya pihak Kementerian Kerja Raya membuat pengumuman di dalam akhbar ataupun melalui highway radio seperti mana yang dibuat oleh TNB semasa -hendak memotong bekalan elektrik ke kawasan-kawasan perumahan?

Tuan Kert Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, kalau kontraktor itu datang daripada kementerian saya, maka kita boleh membuat pengumuman seperti yang dicadangkan itu tetapi perkara-perkara ini selalunya berlaku bukan datang daripada Kementerian Kerja Raya. Ini datang daripada kontraktor-kontraktor dari agensi-agensi kerajaan yang lain. Oleh sebab itu, kita boleh memberi cadangan ini kepada agensi-agensi yang lain.

FILEM "PANGGILAN PULAU"— AMARAN KERANA GAMBAR GHAIRAH

9. Tuan Shuib bin Endut minta Menteri Penerangan menyatakan tentang amaran keras yang diberi kepada penerbit filem "Panggilan Pulau" Ahmad Fauzee berkaitan dengan gambar ghairah promosi filem tersebut. Mengapa promosi seperti itu dianggap serius sedangkan filem-filem yang ditayangkan di TV1, TV2 dan TV3 lebih lucu daripada itu tidak pernah diambil tindakan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan tidak pernah memberi amaran keras kepada penerbit filem "Panggilan Pulau" berkaitan dengan gambar ghairah promosi filem tersebut. Ini adalah kerana pengiklanan promosi

filem tersebut adalah di luar bidang tugas kementerian ini. Kementerian juga telah dimaklumkan bahawasanya ianya telah mendapat kelulusan pihak yang berwajib.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, tidak ada filem-filem yang ditayangkan di TV1 ataupun TV2 diistilahkan berbentuk filem lucu kerana semua filem-filem tersebut telah ditapis oleh Lembaga Penapisan Filem di bawah Kementerian Dalam Negeri dan juga oleh badan penapisan RTM sendiri. Semua filem-filem yang berbentuk lucu diharamkan dari tayangan.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Tuan Haji Rahim bin Baba.

Tuan Rahim Biri Baba: Belum "haji" lagi, Tuan Yang di-Pertua. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua Saya tukar balik, Tuan Rahim Baba.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Biasanya kalau filem sebelum ditayangkan hendaklah terlebih dahulu mendapat kelulusan Lembaga Penapisan Filem. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, adakah filem-filem ikla juga perlu mendapat kelulusan daripada Lembaga Penapisan Filem sebelum ditayangkan di televisyen?.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Perlu, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Lagi ada apa? Ini "Panggilan Pulau I" atau "Panggilan Pulau II" Tuan Shuib?

Tuan Shuib bin Endut: "Panggilan Pulau II"

ORANG ASLI—KEPERCAYAAN DALAM PEGANGAN AGAMA

10. Puan Hajah Selemiah binti Hashim minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan

memandangkan perhatian yang diberikan oleh pitiak kerajaan terhadap kebajikan Orang-orang Asli patut diberi pujian:

- (a) berapa peratuskah di kalangan mereka yang mempunyai pegangan agama dan pecahan peratus mengikut pegangan agama masing-masing;
- (b) kenapakah Amanah Ikhtiar Rakyat tidak memainkan peranan terhadap Orang-orang Asli dari segi ekonomi mereka. yang masih primitif sedangkan jika dibangunkan dengan baik, golongan ini juga mampu mencapai tahap ekonomi seperti bangsa lain; dan
- (c) apakah kemajuan yang diberikan oleh pihak kerajaan dinilai dari semua sudut sebagaimana hasrat Wawasan 2020.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Dato' Alexander Yu Lung Lee): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Berpandukan kepada data 1992, jumlah penduduk Orang Asli ialah 83,453. Kepercayaan dalam pegangan agama serta pecahan peratusnya adalah seperti berikut:

Animisme	—	69,461 (83.24%)
Islam	—	10,332 (12.38%)
Kristian	—	3,570 (4.27%)
Bahai	—	90 (0.11%)

- (b) Kementerian menganggap bahawa saranan Yang Berhormat agar Amanah Ikhtiar, Rakyat memainkan peranan dalam membangunkan ekonomi Orang Asli adalah amat baik. Walau bagaimanapun, perlu disedari bahawa masyarakat Orang Asli rata-rata masih perlu diberi fahaman dan pendidikan dari segi pentingnya sistem ekonom wang. Selagi perkara-perkara ini belum dapat diterap dan menjadi

sebahagian dari cara dan gaya hidup mereka, maka ianya tidak akan memberi kesan kepada pembangunan ekonomi masyarakat Orang Asli.

- (c) Masyarakat Orang Asli telah didedahkan secara menyeluruh kepada bidang pendidikan, kesihatan dan seterusnya pembangunan ekonomi. Bidang-bidang inilah yang akan membuka jalan kepada kemajuan masyarakat Orang Asli dalam menuju hasrat Wawasan 2020.

ECO-TOURISM— PEMBABITAN JABATAN PERIKANAN

11. Tuan Ng See Tiong minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) sejauh manakah pembabitan Jabatan Perikanan dalam bidang "eco-tourism"; dan
- (b) adakah syarikat swasta membantu memajukan industri perikanan negara.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Datuk Mohd. Shariff bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sehingga kini Jabatan Perikanan telah berjaya mewujudkan 38 taman-taman laut Malaysia sebagai destinasi "eco-tourism", 35 buah pulau di Semenanjung Malaysia dan 3 buah di Labuan.

Untuk menarik lebih ramai lagi pelawat dari dalam dan luar negeri di taman-taman laut ini, Jabatan Perikanan melalui peruntukan Tabung Amanah Faman Laut dan Rizab Laut telah menyediakan pelbagai kemudahan asas seperti pusat penerangan, rumah penginapan, peralatan menyelam dan snorkeling dan lain-lain.

Sebanyak 4 buah pusat taman laut telah beroperasi iaitu Pulau Payar, Pulau Redang, Pulau Tioman dan Pusat Taman Laut Mersing.

- (b) Peranan syahkat swasta dalam membangunkan sektor perikanan adalah besar. Pada masa ini terdapat banyak syarikat swasta yang besar dan maju terlibat secara serius dalam perikanan laut dalam, akuakultur dan industri hiliran seperti pemerosesan, pemasaran dan sebagainya.

Penglibaian syarikat swasta dalam sektor perikanan dalaham dialu-alukan kerana dengan cara ini sahaja sektor perikanan dapat berkembang dengan lebih pesat.

BAHASA INGGERIS— MENGATASI KELEMAHAN DI SEKOLAH LUAR BANDAR

12. Tuan Abdul Rashid bin Ismail minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah kementerian sedar bahawa punca kelemahan Bahasa Inggeris bagi pelajar sekolah luar bandar ialah kerana pelajar tidak mempunyai asas kukuh ketika berada di sekolah rendah.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan memang sedar bahawa pelajar sekolah luar bandar terutamanya perlu mempunyai asas kukuh ketika berada di sekolah rendah jika mereka dikehendaki mem-pertingkatkan penguasaan Bahasa Inggeris. Ke arah ini, Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri telahpun melaksanakan beberapa program Bahasa Inggeris seperti "Process Writing", program "Class Readers", "Learning English the Fun Way", "5-Minutes Starters" dan lain-lain.

Di samping itu, program TST (Teachers Support Team) dijalankan di luar bandar

untuk memberi bimbingan dan nasihat kepada guru. Guru Besar dinasihatkan betapa pentingnya untuk menunjukkan dengan kepimpinan dinamik dan profesional serta menunjukkan sokongan terbuka kepada guru besar dan guru Bahasa Inggeris dan program Bahasa Inggeris.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, sejak akhir-akhir ini nampaknya kerajaan bersungguh-sungguh untuk menjadikan rakyat negara ini menguasai Bahasa Inggeris dan saya masih ingat lagi, satu masa dahulu, apabila Bahasa Malaysia tidak diwajibkan lulus untuk mendapatkan sesuatu sijil, pencapaian kelulusan amatlah rendah sekali. Tetapi apabila telahpun diwajibkan, pencapaian kelulusan Bahasa Malaysia amatlah tinggi sekali. Jadi, adakah oleh kerana kerajaan beria-ria sangat, adakah kerajaan bercadang untuk menjadikan kelulusan Bahasa Inggeris sebagai satu syarat utama untuk mendapatkan sesuatu sijil?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah membuat cadangan tersebut. Itu merupakan satu cadangan yang Kementerian Pendidikan akan kaji. Namun demikian, izinkan saya terangkan bahawa sebelum kita boleh laksanakan cadangan tersebut, setiap sekolah haruslah mempunyai guru-guru yang mempunyai kepakaran dalam Bahasa Inggeris supaya mata pelajaran itu boleh diajar dengan sempurna dan untuk melaksanakan program tersebut, Kementerian Pendidikan, seterusnya akan memperluaskan dan menambahkan bilangan calon-calon yang akan memasuki ke Maktab Perguruan untuk mengikuti mata pelajaran aliran Bahasa Inggeris. Kementerian Pendidikan juga akan seterusnya bekerjasama dengan universiti-universiti tempatan dan universiti-universiti di luar negara supaya kita boleh menambahkan bilangan guru-guru Bahasa Inggeris, khususnya yang mempunyai kepakaran di dalam TESL atau Teaching of English as Second Language.

Datuk Shahiruddin bin Ab. Moin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam usaha kerajaan hendak mempertingkatkan prestasi Bahasa Inggeris, khususnya di sekolah-sekolah di desa, adakah pihak kementerian sedar bahawa sekarang ini masih terdapat banyak sekolah biasa yang langsung tidak ada guru Bahasa Inggeris? Apakah langkah segera kementerian untuk melaksanakan program ini?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, memang Kementerian Pendidikan sedar tentang kesulitan yang dihadapi di sekolah-sekolah di luar bandar. Jadi, untuk mengatasi masalah itu, Kementerian Pendidikan seterusnya akan menambahkan bilangan calon-calon untuk mengikuti aliran Bahasa Inggeris di Maktab-maktab Perguruan.

Baru-baru ini sahaja Kementerian Pendidikan telah melaksanakan Program Guru Kecemerlangan atau Master Teacher Program di mana kita memberi guru-guru yang mempunyai kepakaran, contohnya di dalam bidang Bahasa Inggeris mempunyai peluang-peluang yang lebih untuk dinaikkan pangkat. Selepas mereka dinaikkan pangkat, kita galakkan atau hantar mereka ke sekolah-sekolah di luar bandar yang kurang guru-guru tersebut. Dengan program itu, kita yakin kita boleh atas masalah tersebut.

KEAHLIAN JAWATANKUASA KUMPULAN—PENGENDALIAN TABUNG

13. Dato' K. Yijayanathan minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar memberi butir-butir mengenai "Keahlian Jawatankuasa Kumpulan" (Revolving Fund Committee) untuk mengendalikan Selat Melaka dan bagaimana Jawatankuasa itu berefektif untuk mengutip tabung.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang

Berhormat, Keahlian Jawatankuasa Kumpulan (Revolving Fund Committee) adalah terdiri daripada tiga orang dari setiap negara, iaitu Malaysia, Singapura dan Indonesia.

Mereka ini adalah dari agensi-agensi yang bertanggungjawab terhadap alam sekitar bagi setiap negara. Misalnya Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan Laut Semenanjung Malaysia bagi negara Malaysia, Marine Department dan Port Authority bagi negara Singapura dan Direktorat Perhubungan Laut bagi negara Indonesia.

Sebenarnya peruntukan tabung RFC ini adalah sumbangan dari Japanese Non-Government Associations berjumlah 400 juta Yen pada tahun 1981. Akaun tabung ini dikendalikan oleh setiap negara ahli masing-masing -selama lima tahun mengikut pusingan. Wang dari tabung RFC ini akan dipinjamkan kepada negara ahli yang memerlukan peruntukan untuk operasi pembersihan tumpahan minyak. Pinjaman itu mesti dipulangkan kembali apabila mendapat pampasan daripada pihak insurans.

HUBUNGAN DUA HALA REPUBLIK RAKYAT CHINA— MALAYSIA— KEMAJUAN EKONOMI

14. Tuan Michael Bong Thiam Joon minta Menteri Luar Negeri menyatakan faedah-faedah yang diperolehi daripada perhubungan erat di antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan China setelah lawatan-lawatan yang dilakukan oleh Perdana Menteri pada tahun 1993 dan oleh Timbalan Perdana Menteri pada bulan Ogos dan September 1994.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua, Malaysia berpuas hati di atas kemajuan pesat yang telah dicapai dalam hubungan dua halanya dengan Republik Rakyat China setakat ini.

Hubungan persahabatan yang terus berkembang erat, khususnya pada peringkat kerajaan kedua negara, terutama semenjak lawatan rasmi Perdana Menteri ke China pada 13 hingga 22 Jun 1993 dan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada 25 hingga 31 Ogos 1994, telah berhasil - dalam memperkukuhkan lagi persefahaman serta kerjasama dua hala dalam pelbagai bidang kepentingan bersama termasuk ekonomi, perdagangan dan pelaburan.

Tuan Yang di-Pertua, ingin dimaklumkan bahawa hubungan ekonomi kedua negara telah mencapai kemajuan menggalakkan semenjak beberapa tahun kebelakangan ini. Jumlah perdagangan dua hala untuk tempoh 6 bulan pertama pada tahun 1994 total meningkat kepada RM4,109 juta daripada RM2,629 juta dalam tempoh yang sama pada tahun 1993, iaitu mencatatkan kadar peningkatan sebanyak 56%.

Di samping itu, jumlah pelaburan Malaysia telah juga bertambah. Dalam hubungan ini, sebanyak 36 Perjanjian Usahasama dan Memorandum Persefahaman (Memorandum of Understanding) dengan jumlah pelaburan dianggarkan sebanyak RM8,200 juta telah ditandatangani di antara syarikat-syarikat Malaysia dengan rakan-rakan sejawat mereka di Republik Rakyat China semasa lawatan Perdana Menteri dan sebanyak 13 lagi ditandatangani semasa lawatan Timbalan Perdana Menteri dengan anggaran jumlah pelaburan sebanyak RM1,700 juta.

Pelaburan Malaysia di Republik Rakyat China setakat ini adalah tertumpu antara lain, di dalam sektor pembangunan hartanah dan infrastruktur. Jumlah pelaburan Republik Rakyat China di Malaysia pula, pada masa yang sama juga semakin meningkat di mana sebanyak 33 projek usahasama telahpun diluluskan oleh Kerajaan Malaysia setakat ini yang melibatkan pelaburan modal sebanyak RM564.24 juta dan disamping itu, kedua-

dua buah negara juga bersetuju untuk mengkaji kemungkinan mengadakan kerjasama dalam industri berat serta berteknologi tinggi. Jadi, saya yakin bahawa perkembangan yang positif ini akan menyumbang ke arah kemajuan hubungan serta kerjasama ekonomi yang baik dan akan lebih pesat lagi pada masa-masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, lawatan rasmi Timbalan Perdana Menteri ke Republik Rakyat China baru-baru ini adalah usaha susulan yang penting kepada lawatan sebelum itu oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Lawatan tersebut membolehkan kedua pihak mengulangi Itizam masing-masing untuk terus meningkatkan kerjasama di semua bidang selaras dengan persetujuan yang dicapai oleh kedua-dua buah negara semasa lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Fu Ah Kiow: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, di antara perjanjian persefahaman yang ditandatangani oleh kedua-dua negara, berapa peratus telah dilaksanakan?

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana itu adalah soalan yang khusus dah oleh kerana jumlah yang telah ditandatangani adalah begitu banyak, saya minta Yang Berhormat memberi notis dahulu.

PEGAWAI PERUBATAN— KEKURANGAN DI SELURUH NEGARA

15. Tuan Ibrahim bin Daud minta Menteri Kesihatan menyatakan bilangan kekurangan doktor perubatan di hospital kerajaan di seluruh negara dan apakah langkah-langkah untuk mengatasi.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin

untuk menjawab soalan ini bagi pihak Kementerian Kesihatan.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, bilangan kekurangan Pegawai Perubatan di seluruh negara pada 1.12.1994 ialah 1,027. Langkah-langkah untuk mengatasi masalah kekurangan tersebut dapat dijelaskan melalui langkah jangka pendek dan langkah jangka panjang seperti berikut: Langkah jangka pendek adalah dengan pengambilan pegawai secara kontrak dari dalam dan dari luar negara. Langkah jangka panjang adalah:

- (a) Menyediakan kerjaya perkhidmatan yang lebih baik untuk mengelakkan pegawai perubatan yang sedia ada dari meletak jawatan,
- (b) Menyediakan tambahan biasiswa untuk membiayai Pegawai-pegawai Perubatan mengikuti kursus kepakaran.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi bahawa kekurangan doktor amat ketara sekali. Tetapi saya percaya ada kelebihan tenaga doktor di dalam sektor swasta. Jadi, untuk mengatasi masalah ini adakah kerajaan bercadang supaya mewajibkan setiap doktor-doktor yang membuka klinik persendirian mewajibkan mereka ini juga memberikan sumbangan ataupun bekerja di klinik-klinik kerajaan beberapa jam dalam seminggu untuk mengatasi masalah kekurangan ini?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana seseorang doktor yang baru keluar daripada universiti itu telah pun diwajibkan untuk melakukan kerja housemanshipnya, pada masa ini kerajaan tidak bercadang untuk melaksanakan cadangan Yang Berhormat.

PEKERJA MAHIR TEKNIKAL— PERMINTAAN DAN PENAWARAN

16. Dato' Soong Siew Hoong minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) apakah 10 jenis ahli teknik dan pekerja mahir yang paling kurang dan yang paling banyak diminta sekarang di sektor-sektor awam dan swasta. Berapa banyakkah kekurangan bagi setiap jenis ini berbanding dengan apa yang dianggarkan di dalam Rancangan Malaysia Keenam; dan
- (b) apakah berbagai-bagai rancangan jangka masa pendek, pertengahan dan panjang yang diambil oleh kerajaan untuk mengatasi kekurangan-kekurangan ini.

19.12.94

10. Dr. Ng Yen Yen minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah kekurangan pekerja-pekerja separuh mahir dan mahir agar tidak menjejaskan pembangunan ekonomi negara; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk meningkatkan produktiviti pekerja agar dapat meningkatkan daya saing, negara di pasaran antarabangsa.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan soalan dari Yang Berhormat Dr. Ng Yen Yen bertarikh 19.12.1994 kerana kedua-dua soalan ini adalah berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, 10 jenis ahli teknik dan pekerja mahir yang paling kurang dan paling banyak diminta sekarang di sektor-sektor awam dan swasta

adalah jurutera dalam bidang mekanikal, pengeluaran dan elektrik; juruteknik dalam bidang mekanikal, pengeluaran dan elektrik; penyelia, foreman, jurum mesin, jurukimpal, juruelektrik, jumgegas, penjaga elefetri, operator mesin berkomputer.

Jika dilihat sasaran jumlah pengeluaran pekerja mahir teknikal yang dianggarkan di dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keenam, didapati sejumlah besar keluaran tenaga mahir dan separuh mahir daripada institusi latihan awam tempatan bagi tahun 1991 sehingga 1993 adalah dalam ketukangan, kejuruteraan iaitu sebanyak 70%. Adalah jelas bahawa penawaran pekerja mahir teknikal di pasaran buruh masih tidak mencukupi kerana permintaan yang semakin bertambah berikutan dengan perkembangan industri yang pesat dan perubahan struktur industri yang kian memerlukan tenaga mahir dan pakar-pakar teknik.

Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan (b), kerajaan memang menyedari kepentingan mengatasi masalah kekurangan pekerja mahir dan separuh mahir. Walaupun kerajaan telah mengambil beberapa langkah, mekanisme yang paling efektif ialah melalui penubuhan Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia. Semenjak Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia ini beroperasi mulai 1 Julai 1993 sehingga awal Oktober 1994, seramai 262,764 pekerja telah diluluskan untuk mengikuti latihan dalam pelbagai bidang di dalam dan di luar negeri.

Kerajaan juga telah membuat keputusan supaya skim Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia diperluaskan ke sektor perkhidmatan. Maka kerajaan yakin melalui tabung ini masalah kekurangan pekerja mahir dan separuh mahir dapat diatasi.

AJARAN SESAT— PENYELARASAN DALAM PERANAN PENDAKWAH

17. Tuan Haji Abdul Salam bin Awang minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan ramai di kalangan orang-orang Islam terkeliru dengan pendapat yang dikeluarkan oleh pendakwah agama dan tidak kurang yang telah terpesong daripada akidah, tidakkah Jabatan Perdana Menteri dapat menyelaraskan peranan pendakwah-pendakwah supaya orang Islam tidak terjebak dengan ajaran sesat:

- (a) negeri manakah yang mempunyai ramai di kalangan orang Islam yang terjebak dengan ajaran sesat; dan
- (b) setakat manakah tindakan yang diambil terhadap mereka yang terlibat.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bilangan umat Islam terjebak dengan ajaran sesat berdasarkan negeri-negeri tidaklah dapat dipastikan. Walaupun pembawa ajaran sesat terdapat banyak di Kelantan iaitu 16 kumpulan dan Selangor 9 kumpulan; ini tidak semestinya bermakna negeri-negeri tersebut mempunyai ramai pengikut-pengikut ajaran sesat.
- (b) Tindakan yang diambil pada umumnya ialah memberi kesedaran kepada mereka tentang penyelewengan ajaran yang dipegang supaya mereka kembali kepada pegangan Islam yang sebenar. Selain daripada itu tindakan undang-undang juga diambil di bawah Enakmen negeri yang berkenaan.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah pihak Jabatan Perdana Menteri, Bahagian Hal Ehwal Islam tidak

menganggap suatu ajaran sesat ataupun suatu khurafat yang tidak ada di zaman Rasulullah s.a.w. apabila berlaku suatu parti yang telah menggunakan "Islam" sebagai simbol dan satu parti yang telah menganggap bahawa partinya Islam dan Islam partinya dan telah menganggapkan seolah-olah janji-janji syurga kepada umat Islam dalam negara ini?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang -Pertua, sememangnya kerajaan menyedari hakikat bahawa ada sebuah parti Islam; namanya-Parti PAS yang mendakwa bahawaparti itu adalah "Islam" dan jelas telah menyebutkan disamakan dengan perkataan "hizbollah". Ini banyak kali diucapkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Rakyat. Mereka kata PAS itu samalah-dengari hizbollah (parti Allah). Ini merupakan suatu tafsiran yang amat merbahaya kerana tindakan parti ini adalah jelas menunjukkan bahawa mereka memainkan peranan menyelewengkan akidah umat Islam.

Jadi, kerajaan mengambil tindakan dengan menasihatkan rakyat supaya dapat memahami dengan sebenar-benarnya apakah itu "Islam" dan apakah itu parti politik, supaya orang Islam ataupun umat Islam di negara ini tidak mudah tertipu, diselewengkan oleh. parti politik yang menamakan diri "mereka Islam dan mewajibkan umat Islam untuk menyokong parti mereka.

PENGAMBILAN ALIH KAWASAN ORANG ASLI UNTUK PROJEK PEMBANGUNAN

18. Tuan Itam Wali bin Nawan minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi memandangkan kebelakangan ini terdapat makin banyak kawasan-kawasan Orang Asli terlibat dan diambil alih oleh projek-projek-pembangunan kerajaan dan swasta dan di antara sebab mungkin kawasan-kawasan tersebut tidak mempunyai status tertentu dalam rekod

Kerajaan Tempatan dan untuk mengelak daripada perkara ini dan perancangan bertindih menyatakan:

- (d) apakah usaha pihak kementerian untuk mengenal pasti bahawa kawasan-kawasan tersebut telah dihuni semenjak lama oleh masyarakat ini; dan
- (b) adakah pihak kementerian bercadang menanda dalam peta/pelan induk kawasan-kawasan tersebut di tiap-tiap negeri di Semenanjung dan memberi pengiktirafan sebagai kawasan Orang Asli untuk mengelak perancangan pembangunan bertindih dan perpindahan berterusan.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua; bagi jawapan:

- (a) Usaha kementerian mengenal pasti kawasan Orang Asli yang dihuni sejak lama adalah dengan melihat kesan-kesan tanaman lama atau saka dan kesan-kesan perkampungan lama yang telah ditinggalkan oleh Orang Asli.
- (b) Mana-mana kawasan rizab Orang Asli, biasanya dipinda oleh pihak Jabatan Ukur di dalam peta topo. Bagi kawasan Orang Asli pula ianya tidak ditanda dalam peta dan sebaliknya perkaraberkenaan akari dimaklumkan oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli atau pihak berkuasa negeri.

PEKERJA ASING DI MALAYSIA— BILANGAN MENGIKUT KATEGORI

19. Tuan Prankie Chong Yu Chee minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapakah jumlah pekerja asing yang sedang bekerja di Malaysia sehinggalah Jun 1994 mengikut kategori berikut:

- (i) pekerja buruh kasar;
 - (ii) pekerja separuh mahir;
 - (iii) pekerja mahir; dan
 - (iv) warganegara manakah yang terbanyak sekali.
- (b) berapakah anggaran bilangan orang asing yang akan bekerja di Malaysia menjelang tahun 2000; dan
- (c) apakah langkah-langkah kerajaan untuk mengatasi masalah kekurangan pekerja tempatan.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sehingga Jun 1994 seramai 455,070 pekerja asing telah dikeluarkan Pas Lawatan (Kerja Sementara) untuk bekerja di negara ini. Pecahan mengikut kategori adalah seperti berikut:-
- (i) Pekerja buruh kasar—410,043. Mereka ini terdiri daripada pembantu rumah, pekerja ladang dan pembinaan.
 - (ii) Pekerja separuh mahir—35,687. Mereka ini terdiri daripada sektor pembuatan.
 - (iii) Pada masa ini bilangan pekerja asing mahir adalah sukar ditentukan kerana kebanyakan daripada mereka memperolehi kemahiran setelah bekerja di negara ini.
 - (iv) Pekerja asing warganegara Indonesia merupakan bilangan terbesar yang bekerja di negara ini.
- (b) Kebenaran pengambilari pekerja asing diberi adalah berdasarkan keperluan sebenar dan semasa sesuatu sektor pada sesuatu masa. Oleh yang demikian adalah sukar untuk membuat anggaran bilangan

pekerja asing yang akan dibenarkan bekerja di negara ini menjelang tahun 2000.

- (c) Antara langkah yang telah diambil bagi mengatasi masalah kekurangan pekerja tempatan selain daripada membenarkan pekerja asing ialah menggalakkan sektor-sektor pengeluaran yang berintensifkan buruh (labour intensive) berpindah kepada yang berintensifkan modal atau 'hi-tech'.

KWSP—CARUMAN MAJIKAN UNTUK PEKERJA

20. **Tuan Limun Laikim** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada pencazum-pencarum di KWSP berpuas hati dengan kelonggaran-kelonggaran syarat pengeluaran wang dari KWSP dan menyatakan juga sama ada sumbangan pekerja-pekerja itu dibayar oleh pihak majikan kepada KWSP, dan jika pihak majikan tidak membayar caruman pekerja-pekerja kepada KWSP apakah tindakan Kerajaan terhadap majikan-majikan yang menyeleweng itu.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua pada umumnya pencazum-pencarum KWSP berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan oleh KWSP. Selain itu, mereka juga, secara umum berpuas hati dengan skim-skim, iaitu 13 skim semuanya yang telah dilaksanakan oleh pihak KWSP,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, skim yang paling banyak pengeluarannya ialah pengeluaran bagi mereka yang menjangkau umur 55 tahun dan juga skim perumahan kos rendah dan bukan kos rendah. Secara umumnya pihak KWSP telah dapat menyelesaikan aduan-aduan yang telah dibuat oleh pencazum dalam masa yang agak singkat.

Berhubung dengan caruman majikan pula, kerajaan ingin memaklumkan sehingga kini sebahagian besar daripada majikan yang berdaftar dengan KWSP membayar caruman untuk pekerjanya dan caruman ini telah dimasukkan ke akaun pekerja berkenaan dengan teratur. Bagaimanapun, masih terdapat sebilangan kecil majikan yang gagal untuk mencarum pekerja mereka tetapi bilangan majikan sebegini adalah kecil. Sehingga akhir bulan lalu, bilangan majikan yang dikenalpasti tidak mencarum dengan KWSP ialah sebanyak 25,516 majikan ataupun kira-kira 11% daripada jumlah keseluruhan majikan.

Kerajaan sememangnya memberikan perhatian yang serius kepada majikan yang gagal membayar caruman bagi pihak pekerja mereka. Dalam hal ini kerajaan telah mengarahkan KWSP supaya mengawasi kegiatan majikan ini dengan seberapa ketat yang boleh. Salah satu tindakan tegas untuk mernbendung masalah ini ialah dengan mengetatkan lagi undang-undang KWSP ke atas mereka. Selain daripada itu, KWSP juga telah memperbaiki sistem penguatkuasaan untuk membolehkan sistem yang lebih berkesan diadakan dan masa ke semasa.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita mulakan Pertanyaan-pertanyaan Jawab Mulut tadi pada pukul 2.55 petang. Jadi, untuk pengetahuan bersama, kita akan habis pada 3.55 petang iaitu kira-kira 12 minit daripada sekarang. Tuan Chong Chi Siong.

RAWATAN PEMINDAHAN SUM-SUM TULANG—JUMLAH PESAKIT

21. Tuan Chong Chi Siong minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) bilangan pesakit leukemia yang dapat rawatan untuk memindah tulang sum-sum di dalam institusi perubatan tempatan setakat ini; dan

- (b) peratusan pesakit yang berjaya dalam pemindahan tulang sum-sum untuk tems hidup bahagia.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Dato' K. Kumarah): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kemudahan rawatan pemindahan sum-sum tulang di Malaysia disediakan di Hospital Universiti Kuala Lumpur dari Hospital Kuala Lumpur. Setakat ini jumlah pesakit yang telah dirawat oleh kedua-dua hospital tersebut ialah 93 orang.
- (b) Setakat ini dianggarkan 73% dari pesakit berjaya dalam rawatan pemindahan sum-sum tulang dan erus hidup seperti biasa.

PENDERAAN KANAK-KANAK— PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

22. Tuan M. Zeevil @ Shanmugam a/l R.M.S. Mutaya minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan memandangkan baru-baru ini terdapat banyak kes-kes yang melibatkan penderaan kanak-kanak dan undang-undang terhadap pendera kanak-kanak tidak begitu ketat adakah sepatutnya pihak penggubal undang-undang mengetatkan dan meningkatkan lagi hukuman terhadap pendera-pendera ini.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, penguatkuasaan undang-undang bukanlah merupakan satu tindakan yang muktamad yang boleh menghapuskan secara langsung penderaan ke atas kanak-kanak. Dalam menangani masalah ini, semua pihak hendaklah menumpukan penglibatan mereka untuk memberi kesedaran kepada masyarakat untuk bertindak membanteras penderaan kanak-kanak hingga ke peringkat akar umbi.

**PELABURAN MALAYSIA DI
VIETNAM DAN KAMPUCHEA—
INSENTIF**

23. Tuan V. Saravanan a/ Veliadayar minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) berapakah jumlah modal yang telah dilabur di Vietnam dan Kemboja oleh kerajaan dan swasta setakat ini; dan
- (b) apakah insentif-insentif ataupun kelonggaran-kelonggaran yang diberikan di negara itu bagi pelabur-pelabur dari Malaysia.

Datuk S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua;

- (a) Kerajaan Malaysia tidak melabur secara langsung di Vietnam dan Kampuchea. Namum demikian, berdasarkan kepada maklumat mengenai semua pengiriman wang ke luar negeri untuk tujuan pelaburan yang dibuat melalui sistem bank dan dikumpulkan oleh Bank Negara Malaysia, jumlah modal yang dilaburkan oleh pelabur-pelabur Malaysia di Vietnam sehingga 30 Jun 1994 ialah berjumlah RM69.9 juta manakala di Kampuchea pula ialah berjumlah RM15.3 juta. Sehingga 6 September 1994, sebanyak 30 projek dari Malaysia yang melibatkan pelaburan berjumlah US\$575.7 juta telah diluluskan oleh pihak berkuasa Vietnam. Di Kampuchea pula, sebanyak 10 projek dari Malaysia bernilai US\$30.65 juta telah diluluskan oleh pihak berkuasa negara tersebut.
- (b) Insentif-insentif yang diberikan oleh Kerajaan Vietnam dan Kampuchea kepada pelabur-pelabur Malaysia bergantung kepada lokasi projek dan jenis projek iaitu sama ada projek tersebut melibatkan aktiviti yang

diutamakan oleh negara-negara tersebut atau tidak. Di antara insentif-insentif yang ditawarkan oleh Kerajaan Vietnam ialah pelepasan cukai korporat dari 2 hingga 4 tahun, kadar cukai korporat yang dikurangkan dan pelepasan daripada cukai import ke atas bahan-bahan mentah, komponen-komponen, peralatan dan mesin yang diperlukan untuk projek berkenaan.

Insentif-insentif yang ditawarkan oleh kerajaan Kampuchea pula ialah pelepasan cukai korporat, kadar cukai korporat yang dikurangkan ke atas pelaburan yang digalakkan, pelepasan duti kastam dan duti import ke atas bahan-bahan mentah, peralatan dan mesin yang diperlukan untuk projek berkenaan dan pelepasan cukai perniagaan ke atas keluaran-keluaran yang dieksport.

**DARUL ARQAM—BILANGAN
AHLI DI LUAR NEGERI**

24. Tuan Haji Zainal bin Md. Deros minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) berapakah bilangan ahli-ahli Darul Arqam (yang diharamkan itu) berada di Australia, New Zealand, Pakistan, Thailand, Singapura, Britain, U.S.A., Mesir dan Jordan; dan
- (b) adakah mereka menimbulkan masalah kepada Wisma Putra.

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah ahli-ahli Darul Arqam adalah seperti berikut:

Negara	Jumlah
Australia	100
New Zealand	15
Pakistan	100

Negara	Jumlah
Thailand	120
Singapura	20
Britain	5
U.S.A.	10
Mesir	65
Jordan	150

(b) Walaupun sebelum pengharaman ahli-ahli Arqam di luar negeri, mereka memburuk-burukkan kerajaan, tetapi selepas pengharaman, mereka tidaklah lagi menimbulkan masalah kepada Kementerian Luar Negeri.

BANJIR-PEMINDAHAN MANGSA SECARA KEKAL

25. Tuan Saidin bin Mohamed minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah kerajaan bercadang menyediakan suatu tapak bagi pemindahan kekal bagi mereka yang terlibat dengan banjir terutama yang tinggal di kawasan-kawasan rendah dan berbahaya bagi mengelak daripada kehilangan harta dan nyawa dan sebagainya.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha): Tuan Yang di-Pertua, setiap kajian perancangan yang dijalankan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (dalam penyediaan Rancangan Struktur, Rancangan Tempatan dan Rancangan Pembangunan Daerah) ada mengambil kira isu-isu berkaitan dengan masalah banjir. Langkah-langkah untuk mengatasi berlakunya banjir serta program-program tebatan banjir yang bersesuaian dengan sesuatu kawasan yang berkenaan juga diam bil kira. Setiap negeri telah, menyediakan pusat-pusat pemindahan sementara yang dikelolakan oleh Jabatan Kebajikan Negeri masing-masing bag menempatkan mangsa-mangsa banjir.

Bagi tahun 1994/1995, sebanyak 3,557 pusat.pemindahan telah dikenalpasti di

seluruh negara yang dapat memuatkan seramai 839,920 orang mangsa. Di samping itu, setiap pihak berkuasa tempatan juga telah mengenalpasti kawasan-kawasan yang sering dilanda banjir. Kebanyakannya merupakan masalah banjir kilat yang sering berlaku selepas hujan lebat, keadaan perparitan yang kurang sempurna merupakan antara faktor utama yang menyebabkan berlakunya masalah banjir ini. Langkah-langkah memperbaiki sistem perparitan dan saliran merupakan antara langkah utama yang sedang diambil oleh pihak-pihak berkuasa tempatan dalam mengatasi masalah banjir.

Keputusan memindahkan penduduk secara kekal di kawasan lain adalah dalam bidang kuasa Kerajaan-kerajaan Negeri. Sehingga kini, hanya Kerajaan Negeri Pahang telah melaksanakan pemindahan kekal bagi mereka yang sering terlibat dengan banjir. Projek ini dilaksanakan oleh Lembaga Kemajuan Pertubuhan Peladang di bawah Rancangan Pemulihan Semua Banjir. Sebanyak 23 buah kawasan telah dijadikan tapak pemindahan kekal bagi mangsa banjir selepas peristiwa banjir besar tahun 1969.

PENUBUHAN KOLEJ SWASTA— PEMBEKUAN ATAS PERMOHONAN BARU

26. Dr. Toh Kin Woon minta Menteri Pendidikan menyatakan bilakah pembekuan ke atas semua permohonan untuk membuka kolej swasta baru atau memperkenalkan kursus-kursus baru ditarik balik. Tidakkah pembekuan yang sudah berkuatkuasa begitu lama akan menyekat perkembangan peluang-peluang pendidikan untuk rakyat Malaysia.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini pembekuan atas permohonan baru untuk menubuhkan kolej swasta masih berkuatkuasa. Permohonan-permohonan yang dahulu

masih diproses. Walau bagaimanapun, bilangan kolej swasta yang ada sekarang adalah banyak dan dapat memberi banyak peluang pendidikan kepada semua yang berhajat dan berkemampuan membayar yurannya.

KAD PENGENALAN BARU— PROSEDUR PENUKARAN

27. Tuan Fu Ah Kiow minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) apakah prosedur terbaru untuk pembaharuan Kad Pengenalan, khasnya mengenai mereka yang mempunyai Kad Pengenalan Biru tetapi ejaan nama mungkin berbeza sedikit dengan lain dokumen seperti Sijil Beranak;
- (b) adakah pegawai-pegawai memahami dan mematuhi prosedur ini; dan
- (c) apakah tempoh masa yang diperlukan oleh Jabatan Pendaftaran untuk memproses setiap permohonan pembaharuan Kad Pengenalan:

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua,

- (a), Bermula pada bulan Ogos 1994, pemohon-pemohon yang menukar Kad Pengenalan kepada Kad Pengenalan Baru tidak perlu lagi mengemukakan dokumen sokongan seperti Surat-Beranak, Sijil Warganegara atau sebagainya. Mereka hanya disyaratkan untuk mengemukakan Kad Pengenalan plastik yang lama dengan tiga keping gambar hitam-putih, setem berharga RM4.00. Kalau Kad Pengenalan Lama masih baik dan dalam keadaan baik dan mengisi borang untuk memohon terus. Bagi mereka yang masih mempunyai perbezaan butiran antara dokumen-dokumen, mereka boleh. Kalau

sekiranya hendak memohon pindaan butiran secara berasingan.

- (b) Arahan taklimat dan peringatan telah diberikan kepada semua pegawai pendaftaran negara di semua peringkat, dari peringkat negeri sampai ke peringkat daerah kecil. Oleh yang demikian, saya tidak nampak apa alasan lagi, bagi mana-mana seorang pegawai kata mereka tidak faham atau tidak mematuhi prosedur itu.
- (c) Masa proses bagi permohonan Kad Pengenalan Baru bagi pengeluaran pertama pada masa kini, akan mengambil masa antara 6 hingga 9 bulan dan permohonan bagi gantian mereka yang hilang Kad Pengenalan masa diambil adalah antara 9 hingga 12 bulan.

SAHAM BUMIPUTERA DI BSKL— JUMLAH

28. Dato' Mhd Radzi bin Manan minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menjelaskan berapakah jumlah saham-saham syarikat yang diapungkan di Bursa Saham Kuala Lumpur yang dijual kepada bumiputera melalui kementerian dalam empat (4) tahun lepas dan harap nyatakan bilangan mengikut individu syarikat dan amanah-amanah saham.

Datuk S.S. Subramanim: Tuan Yang di-Pertua, adalah dimaklumkan bahawa jumlah saham-saham khas yang telah diperuntukkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri kepada bumiputera dalam 4 tahun yang lepas iaitu 1990 hingga 1993 ialah sebanyak 1,800,096,361,734 unit yang bernilai RM2.879 bilion. Daripada jumlah yang telah diperuntukkan ini, sebanyak 23.8% telah diperuntukkan kepada institusi-institusi amanah iaitu Permodalan Nasional Berhad, Lembaga Urusan dan Tabung Haji, Lembaga Tabung Angkatan

Tentera dan Koperasi Polis DiRaja Malaysia Berhad; 39.78% kepada ahli-ahli lembaga pengarah dan pemegang-pemegang saham bumiputera yang sedia ada dalam syarikat yang menerbitkan saham-saham berkenaan, 25.45% kepada institusi-institusi bumiputera lain seperti yayasan-yayasan bumiputera di peringkat negeri dan 10.94% kepada syarikat-syarikat dan koperasi bumiputera yang berdaftar dengan MITI.

**AKTA KOPERASI 1993—
PELAKSANAAN GARIS
PANDUAN**

29. Puan Hajah Rahaiah binti Baهران minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan:

- (a) bilakah kementerian akan mengisytiharkan peraturan-peraturan dan garis panduan bagi pelaksanaan Akta Koperasi 1993;
- (b) adakah kementerian telah mengenal pasti badan koperasi yang mewakili gerakan koperasi negara dan adakah pihak kementerian telah membuat pengisytiharan tersebut; dan
- (c) mengikut keadaari semasa didapati bahawa kementerian menghadapi masalah untuk melaksanakan dan menguatkuasakan penubuhan Akta Koperasi (Section 58), apakah cadangan kementerian untuk menangani masalah tersebut.

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian akan mengisytiharkan peraturan-peraturan di bawah Akta Koperasi 1993 pada awal tahun depan iaitu tahun 1995.
- (b) Kementerian belum lagi mengenal pasti ada menerima apa-apa permohonan yang terperinci dari mana-mana pihak untuk mengisytiharkan mana-mana

badan koperasi agar mewakili gerakan koperasi negara ini sama ada di peringkat nasional atau antarabangsa.

- (c) Kementerian tiada masalah untuk menguatkuasakan peruntukan Seksyen 58, Akta Koperasi 1993 oleh kerana tanggungjawab untuk menyediakan akaun untuk diaudit adalah terletak kepada pihak koperasi berkenaan. Akta Koperasi 1993 dan peraturannya jelas memperuntukkan segala tanggungjawab dan tatacara yang perlu diikuti oleh koperasi dari pihak juruaudit untuk menyediakan satu akaun koperasi yang beraudit untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Agung Koperasi. Walau bagaimanapun, kementerian peka akan masalah yang dihadapi oleh koperasi-koperasi, terutamanya dalam tahun 1993 ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi Tahun Kewangan 1993, kementerian telah memberi kelonggaran tempoh masa kepada semua koperasi daripada memenuhi kehendak Seksyen 58, Akta Koperasi 1993.

Puan Hajah Rahaiah binti Baهران: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, apakah masalah yang dihadapi oleh kementerian kerana sehinggakan memerlukan jangka masa setahun untuk mengisytiharkan peraturan dan garis panduan. tadi?

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada masalah bagi kementerian. Cumanya semua peraturan ini hendaklah diselidiki dan dikenal pasti kebaikan dan rnestilah diluluskan oleh Jabatan Peguam Negara.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekian, Pertanyaan-pertanyaan Jawab Mulut.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan jawapan bagi Pkrtanyaan No. 30 hingga 46 adalah dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANGUNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1994)(No. 2) 1994

Bacaan Kali Yang Kedua

3.53 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Mustapa bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1994 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk Maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi peruntukan berjumlah RM1562,614,400 dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk membiayai Perbelanjaan Tambahan bagi Perkhidmatan Tahun.1994 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Anggaran Perbelanjaan menguruskan bagi tahun 1994 berjumlah RM562,614,400, Jumlah ini diminia diluluskan di bawah-Pasal 2, Rang Undang-undang ini. Peruntukan tambahan yang diminta kelulusan adalah untuk tujuan-tujuan berikut:

Sebanyak RM212 juta adalah diperlukan di bawah Maksud B.52—Kementerian Kerja Raya. Ini adalah untuk

membiayai kerja-kerja penyeleenggaraan bangunan-bangunan sekolah. bangunan-bangunan di bawah Kementerian Kesihatan, hospital dan klinik, dan juga bangunan di bawah jagaan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat di bawah projek penyelenggaraan khas. Peruntukan tambahan ini juga adalah diperlukan untuk menampung kos penyelenggaraan jalan dan jambatan serta kerja-kerja penyelenggaraan bagi negeri Sabah. Kerajaan mengambil keputusan untuk mengeluarkan perbelanjaan tambahan ini memandangkan keadaan beberapa buah sekolah dan juga bangunan-bangunan kerajaan yang lain yang uzur dan adalah diharapkan dengan tambahan peruntukan ini, maka keadaan persekitaran sekolah, suasana pembelajaran di sekolah dan juga hospital serta klinik akan dapat diperbaiki. Dengan itu kerajaan dapat berikan perkhidmatan yang lebih sempurna dan berkesan kepada rakyat. Dengan kelulusan ini, maka sejumlah RM400,012 juta akan diperuntukkan kepada Kementerian Kerja Raya untuk kerja-kerja penyelenggaraan bangunan dan juga jambatan.

Tuan Yang di-Pertua, sebanyak RM123 juta diperlukan di bawah Maksud B.7—Jabatan Perdana Menteri. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM98.6 juta adalah untuk menguruskan projek-projek kecil yang infrastruktur, kemudahan awam dan sosial bertujuan untuk mempertingkatkan taraf sosio-ekonomi rakyat. Projek-projek ini telah pun dimulakan pelaksanaan pada tahun lepas dan tambahan sebanyak RM98.6 juta ini adalah untuk menyambung kerja-kerja yang telah pun dimulakan itu.

Selain dari itu, tambahan RM10 juta adalah untuk menampung perbelanjaan pengambilan pengajar-pengajar dan perbelanjaan bagi menjalankan kursus di bawah Program Bina Negara. Antara kursus yang akan dijalankan termasuklah Kursus Bina Negara, Kursus Kecemerlangan Pelajar, Seminar

Wawasan, 2020 dan Kursus Khas Bina Negara untuk penuntut lepasan Sijil Pelajaran Malaysia yang berpotensi memasuki pusat-pusat pengajian tinggi. Kerajaan berpendapat kursus-kursus ini adalah penting untuk melengkapkan rakyat Malaysia dengan nilai-nilai yang sesuai bagi membangun negara kita Malaysia dan dengan adanya tambahan ini, maka pihak-pihak berkenaan, termasuk Biro Tata Negara dijangka dapat memperhebatkan lagi program-program yang telah pun diatur.

juta adalah untuk menampung perbelanjaan majlis keraian, lawatan ketua-ketua negara asing ke negara ini, Majlis Tilawah Al-Quran dari Upacara Pertabalan Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong yang Ke-10.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana negara kita merupakan model yang baik bagi negara-negara lain bukan sahaja negara-negara membangun tetapi juga negara-negara maju, maka kita dapati bahawa kita dihujani dengan permohonan-permohonan daripada ketua-ketua negara asing dan juga pemimpin-pemimpin, pembesar-pembesar negara asing untuk datang ke negara kita dan belajar daripada pengalaman kita membangunkan negara. oleh hal yang demikian, saya dapati perlu untuk menyediakan sedikit peruntukan tambahan antara lain bagi menjayakan lawatan ketua-ketua negara asing dan pembesar-pembesar asing ke negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebanyak RM80 juta di bawah Maksud B.25 — Kementerian Pertahanan, daripada jumlah tersebut RM50 juta adalah diperlukan untuk menampung kerja-kerja penyenggaraan seperti membaik pulih bangunan, kem-kem dan kemudahan bagi angkatan tentera di seluruh negara. Ini adalah sebahagian daripada usaha kerajaan untuk meningkatkan perkhidmatan yang diberikan untuk memperbaiki keadaan bangunan supaya ianya lebih selesa digunakan oleh anggota-anggota bersenjata Malaysia.

Adalah diharapkan dengan peruntukan tambahan RM50 juta ini, beberapa buah kem akan dapat diperbaiki keadaannya. Selain itu, RM30 juta adalah geran pelancaran bagi menubuhkan Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) dan Tabung Pusingan Bekas Perajurit di bawah Lembaga Tabung Angkatan Tentera. Perbadanan ini akan menyediakan program pembangunan kepada bekas-bekas perajurit seperti pinjaman usahawan, kursus-kursus latihan kemahiran dan pengurusan. Peruntukan tambahan yang disediakan oleh kerajaan ini mencerminkan betapa prihatinnya kerajaan terhadap bekas-bekas perajurit dan masa depan mereka. Dan kita berharap dengan adanya peruntukan ini lebih banyak lagi program akan dapat diadakan untuk menjamin masa depan mereka yang lebih baik apabila mereka berhenti dari perkhidmatan tentera.

Tuan Yang di-Pertua; tambahan RM57 juta diperlukan di bawah Maksud B.29 iaitu Perbendaharaan. Daripada jumlah ini RM40 juta adalah untuk menampung bayaran subsidi bahan-bahan petroleum yang bertujuan menstabilkan harga barangan petroleum. Dan sebanyak RM17 juta pula adalah untuk bayaran pampasan kepada Pederal Express Corporation, ini adalah berikutan nahas udara 'Flying Tigers', Penerangan 66 berhampiran Lapangan Terbang Antarabangsa Subang yang nahasnya berlaku pada 18hb Febuari, 1989. Ini merupakan perbelanjaan-perbelanjaan yang tidak dapat kita elakkan.

Tuan Yang di-Pertua, tambahan sebanyak RM50 juta di bawah Maksud B.53—Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi adalah untuk membiayai kerja-kerja penyenggaraan jalanraya, masjid-masjid, sekolah-sekolah yang tidak termasuk di bawah senggaraan Kementerian Pendidikan dan bangunan kerajaan dalam kawasan FELDA. Ini adalah merupakan usaha kerajaan untuk mempertingkatkan kemudahan-kemudahan asas yang disediakan di

kawasan-kawasan FELDA termasuklah jalan-jalan dan kemudahan lain seperti masjid dan sekolah.

Kita berharap dengan adanya tambahan ini peneroka-peneroka FELDA akan menikmati tahap kemudahan asas yang lebih tinggi dalam skim masing-masing. Tambahan sebanyak RM20 juta dibawah Maksud B.45—Kementerian Sumber Manusia diperlukan bagi memperluaskan skop latihan yang dilaksanakan di bawah Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia, untuk merangkumi juga pusat kecil dan sederhana yang mempunyai kerja kurang daripada 50 orang dan modal berbayar kurang daripada RM2.5 juta.

Tuan Yang di-Pertua, tambahan juga diperlukan di bawah Maksud B.42 iaitu Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat yang diperlukan ialah RM1 1.3 juta. Ini adalah sumbangan kerajaan kepada Yayasan Kebajikan Negara dan ianya bertujuan memperbaiki kemudahan seperti kemudahan latihan vokasional, menjalankan aktiviti penghuni semua institusi, kebajikan termasuk aktiviti promosi bagi memupuk perpaduan dan integrasi negara dan, juga untuk mempertingkatkan latihan kemahiran rumah budak lelaki di Serendah.

Tuan Yang di-Pertua, sebanyak RM4.4 juta diperlukan di bawah B.17 iaitu Kementerian Belia dan Sukan. Ini adalah untuk menampung program khas belia dan sukan di peringkat daerah, sumbangan Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Perak bagi menganjurkan Sukan Malaysia (SUKMA Ke-V) dan bagi penyertaan kontingen Malaysia di Sukan Asia di Hiroshima, Jepun pada bulan Oktober yang lalu.

Tambahan RM2.4 juta di bawah Maksud B.39—Jabatan Pendaftaran Negara ialah antara lain untuk membolehkan jabatan tersebut membina ruang pejabat dan membeli peralatan beberapa kaunter baru, mengubahsuai pejabat di Bangunan Persekutuan Petaling

Jaya dan pejabat baru di Sungai Petani, Ipoh, Rembau dan Tampin.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan tambahan yang lain sebanyak RM2,463,000 adalah dikehendaki untuk membiayai perbelanjaan beberapa perkhidmatan di bawah Maksud B.14—Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan B.15—Jabatan Perancang Bandar dan Desa dan B.38—Jabatan Pendaftaran Pertubuhan. Butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga ini adalah seperti dalam penyata anggaran tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 20/1994 dan dalam memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 20A/1994.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dr. Sak Cheng Lum): Tuan -Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1994 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu dibacakan kali yang kedua dan terbuka untuk dibahas sekarang. Ya, pr. Toh Kin Woon. Sila.

4.07 ptg.

Dr. Toh Kin Woon: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1994)(No.2) 1994.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa perkara yang saya ingin bangkitkan dalam ucapan saya mengenai Rang Undang-undang ini. Satu ialah berkenaan dengan pendidikan tinggi khususnya pendidikan universiti. Seperti apa yang kita semua tahu negara kita telah mencapai banyak bidang dan ini adalah jelas nampak dalam kadar pertumbuhan ekonomi yang telah dicapai oleh negara kita dalam beberapa tahun kebelakangan ini, kadar pertumbuhan ekonomi yang begitu pesat sehingga menjadikan Malaysia mencapai kadar pertumbuhan ekonomi yang nombor satu bagi tempoh 1987-1992. Memang ada banyak faktor yang telah membawa kepada mengapa negara kita telah mencapai kadar penumbuhan ekonomi yang pesat ini. Walaupun demikian, saya rasa adalah penting juga kita memberi perhatian kepada faktor-faktor yang boleh memperuncatkan kebolehsaingan negara kita ataupun competitiveness, tetapi buat masa ini negara kita masih belum begitu kuat lagi dalam faktor-faktor ini.

Satu faktor yang saya ingin menarik perhatian pihak kerajaan adalah berkenaan dengan peratus daripada mereka yang berumur antara 20 hingga 24 tahun, yang sedang belajar di universiti.

Pada tahun 1990 peratus ini bagi negara kita Malaysia adalah hanya 7% sahaja dan ini merupakan suatu peratusan yang apabila dibandingkan dengan negara-negara lain adalah agak rendah. Umpamanya mengikut The World Economic Forum and The International Management Development di Switzerland, dengan izin, bagi faktor ini sahaja, iaitu peratus daripada mereka yang berumur 20 hingga 24 tahun yang belajar di universiti. Peratus Malaysia apabila dibandingkan dengan 43 buah negara yang lain, kita terletak pada kedudukan 39.

Bagi banyak faktor yang lain, kita memang menduduki tempat yang tinggi, transparency umpamanya, kita menduduki tempat yang pertama. Transparency of

the Government, kita menduduki tempat yang utama, ahead of Norway, Switzerland and Singapore.' Jadi, saya rasa adalah penting', perlu kita memperkembangkan lagi peluang-peluang pendidikan tinggi untuk rakyat Malaysia, tetapi pendidikan adalah tidak seperti barangan lain. Selain dari kuantiti, apa yang penting ialah kualiti dan supaya kita dapat mempertingkatkan kualiti adalah penting kita dapat menarik pensyarah-pensyarah yang baik mengajar di universiti-universiti tempatan.

Saya dapati buat masa ini, universiti-universiti tempatan memang menghadapi masalah dalam hal ini dan salah satu daripada masalahnya, dan ini saya pernah sebut dahulu, saya rasa adalah penting boleh ditimbulkan lagi adalah berkenaan dengan terma-terma dan gaji yang ditawarkan kepada pensyarah-pensyarah di universiti, khususnya mereka yang baru memulakan perkhidmatan mereka.

Saya dapati, setelah diperkenalkan SSB, gaji permulaan pensyarah-pensyarah yang baru walaupun apabila dibandingkan dengan dahulu telah bertambah naik tetapi tidak begitu besar jika dibandingkan dengan dahulu. Tetapi apabila dibandingkan dengan apa yang ditawarkan kepada rakan-rakan mereka di sektor swasta, memang jauh bezanya.

Apa yang menjadikan mereka ini kecewa ialah bukan sahaja gaji permulaan mereka yang rendah tetapi masa yang mereka kena tunggu sebelum boleh sampai kepada apa yang dahulunya disifatkan Superscale G, adalah jauh lebih lama sekarang berbanding dengan dahulu. Ini bererti bagi sebahagian besar daripada pensyarah-pensyarah, mereka mendapati skim baru ini apabila dibandingkan dengan skim lama adalah lebih buruk lagi dari segi gaji dan lain-lain syarat-syarat perkhidmatan dan ini merupakan salah satu daripada faktor utama mengapa universiti-universiti tempatan tidak dapat menarik pensyarah-pensyarah yang bermutu tinggi untuk mengajar di universiti-universiti ini.

Memang mengikut persatuan kakitangan akademik di semua universiti, ini juga merupakan satu faktor yang penting dan sudah banyak kali mereka mengemukakan memorandum kepada pihak kerajaan tetapi kerajaan tidak melayan tuntutan mereka. Pada hemat saya, perkhidmatan universiti pada keseluruhannya, tidak kira apa bidang pun harus digulungkan di bawah kemahiran yang kritikal (critical skills).

Buat masa ini, memang ada bidang-bidang yang tertentu yang digulungkan sebagai kemahiran kritikal seperti perubatan, kejuruteraan dan sebagainya. Tetapi ada juga banyak bidang yang penting di mana universiti-universiti menghadapi kekurangan tenaga pengajar tetapi yang tidak digulungkan sebagai kemahiran kritikal, umpamanya ekonomi serta banyak bidang-bidang yang lain. Oleh yang demikian, pensyarah-pensyarah yang mengajar di bidang-bidang ini tidak mendapat elaun-elaun tambahan dan justeru itu jurang gaji yang mereka terima dengan apa yang diterima oleh mereka yang mengajar dalam bidang-bidang yang disifatkan sebagai critical skills makin jauh lagi.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian saya ingin merayu kepada pihak kerajaan supaya menumpukan perhatian yang serius terhadap perkara ini, oleh sebab pembangunan sumber tenaga manusia (human resources development) merupakan salah satu daripada faktor penting bagi menyumbangkan kepada darjah atau tingkat kebolehsaingan sesebuah negara.

Buat masaini, Malaysia boleh dianggap sebagai sebuah negara ekonomi yang kebolehsaingannya agak tinggi Mengikut "The World Economic Forum", Malaysia sekali lagi menduduki tempat ke-17 dari segi competitiveness ataupun kebolehsaingan negara kita. Tetapi kebolehsaingan relatif tidak kekal ataupun tidak tetap. Negara yang dahulunya agak

kompetitif sekarang ini sudah tidak kompetitif lagi sementara negara-negara yang dahulunya tidak begitu kompetitif kini sudah menjadi kompetitif. Ini adalah kerana faktor-faktor yang menyumbang kepada kebolehsaingan sesebuah negara ini berubah-ubah. Begitu juga bagi negara kita dan saya ingin merayu kepada kerajaan untuk menumpukan perhatian yang serius terhadap perkara ini supaya kebolehsaingan negara kita dapat dikekalkan. Mengeluarkan tenaga yang mencukupi dan berkualiti tinggi adalah merupakan salah satu faktor yang selalunya harus ada supaya dapat mengekalkan kebolehsaingan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada pendidikan tinggi, satu aspek pendidikan yang saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini adalah berkenaan dengan masalah kekurangan tenaga perguruan di peringkat rendah dan menengah. Kita selalu membaca dalam surat khabar bahawa sekolah-sekolah rendah dan menengah menghadapi masalah kekurangan guru. Untuk mengatasi masalah ini, Kemehterian Pendidikan sudah membekukan semua permohonan untuk bersara awal pada umur 40 tahun. Saya rasa, ini bukanlah langkah efektif untuk mengatasi kekurangan guru-guru yang dihadapi di peringkat rendah dan menengah. Langkah-langkah yang lebih efektif pada hemat saya termasuklah memperbaiki gaji dan syarat-syarat perkhidmatan mereka yang berkhidmat dalam bidang pendidikan di sekolah-sekolah rendah dan menengah.

Saya agak kecewa mendengar bahawa bagi seseorang guru yang telah menerima latihan selama dua tahun, gaji permulaannya sebagai guru terlatih ialah hanya lebil kurang RM500 sahaja. Saya rasa, ini merupakan satu gaji yang tidak kompetitif bagi seseorang yang memperolehi kelayakan SPM. Kalau dia bekerja di kilang atau di hotel, gaji permulaannya adalah setanding, kalau tidak mungkin lebih tinggi daripada ini

dan pekerja ini tidak payah menerima apa-apa latihan pun.

Memandangkan kepada hakikat bahawa pasaran buruh di negara ini agak ketar di mana negara kita kini telah mencapai guna-tenaga penuh, saya rasa pihak kerajaan haruslah mengambil kira tentang apakah harga yang kita tawarkan untuk tenaga yang kita ingin ambil? Kalau kita tidak menawarkan harga yang munasabah kepada tenaga buruh, yang dimaksudkan ini ialah gaji, maka susah sekali bagi pihak kerajaan untuk mendapatkan tenaga yang diperlukan itu dan masalah kekurangan guru akan kekal dan tidak dapat diatasi. Bukan itu sahaja, kalau gaji dan syarat-syarat perkhidmatan tidak diperbaiki, mereka yang sedang berkhidmatan pun mahu meninggalkan perkhidmatan ini dan ini telah dibuktikan oleh bilangan yang begitu ramai yang telah memohon untuk bersara awal apabila mereka mencapai umur 40 tahun.

Seperti apa yang telah saya katakan tadi, cara kerajaan mengatasi masalah kekurangan guru ialah dengan tidak meluluskan mereka yang mahu bersara pada umur 40 tahun. Ini tidak dapat menyelesaikan masalah sebab faktor-faktor yang membawa kepada kekecewaan masih wujud, faktor-faktor yang membawa kepada mereka mahu bersara awal masih wujud. Jadi pada hemat saya membekukan persaraan awal tidaklah merupakan suatu langkah yang efektif. Yang lebih efektif ialah kementerian mestilah menyelidiki apakah punca-punca utama yang telah membawa kepada begitu ramai guru mahu meninggalkan jawatan mereka dan mengapa perkhidmatan ini tidak boleh mendapat bilangan guru yang mencukupi untuk mengajar di sekolah-sekolah. Selagi masalah ini tidak dapat diatasi, saya khuatir taraf pendidikan di semua peringkat, iaitu di peringkat rendah dan menengah akan terjejas dan ini akan meninggalkan kesan buruk jangka panjang ke atas mutu sumber tenaga manusia di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lain yang saya ingin bangkitkan sekarang ini adalah berkait dengan perancangan bandar (urban planning). Di negeri saya, iaitu di Pulau Pinang saya dapat bahawa baru-baru ini pihak berkuasa tempatan telah memberikan kelulusan kepada banyak projek membina bangunan-bangunan yang tinggi di pusat bandar. Saya tidak tahu sama ada pihak berkuasa tempatan ini merupakan suatu pihak yang memberikan kelulusan sahaja ataupun tambahan kepada memberikan kelulusan, pihak berkuasa tempatan ini juga merancang, dengan izin, I believe a local planning authority, besides being an approving authority, should also be a planning authority.

Tetapi saya tidak begitu pasti sama ada pihak berkuasa tempatan ada menjalankan tugas perancangan, Saya mendapati gambaran seolah-olah pihak berkuasa tempatan hanya memainkan peranan sebagai memberikan kelulusan sahaja, sebaik sahaja banyak syarat telah pun dipenuhi kelulusan diberikan. Dengan yang demikian, kita dapati banyak tempat kini menghadapi masalah kesesakan dari segi kepadatan ataupun density bangunan dan density penduduk, dan ini seterusnya telah menimbulkan banyak masalah-masalah sosial seperti kesesakan jalan dan kerosakan kepada alam sekitar.

Saya ingin merayu kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk mengambil perhatian terhadap perkara ini. Sebab walaupun pertumbuhan yang pesat adalah penting, apa yang harus juga diberikan pertimbangan yang wajar ialah mutu kehidupan ataupun 'quality of life'. Dan salah satu faktor yang menentukan 'quality of life, ' mutu kehidupan ialah ketiadaan kesesakan di jalan raya, kepadatan penduduk dan bangunan-bangunan yang sederhana, tidak melampau supaya penduduk-penduduk di bandar dapat hidup dengan selesa. Saya rasa ini amat penting sekali. Saya dapati setakat ini tidak adanya perancangan yang rapi. Di Petaling Jaya juga kita dapati di banyak

tempat, kelulusan telah diberikan untuk pembinaan kondominium dan bangunan-bangunan yang tinggi di mana jua pun, depan hospital dan dalam suatu kawasan yang kecil, ada banyak blok-blok, sehingga tempat yang dahulunya begitu selesa, kini sudah ditukarkan menjadi tempat yang, kurang baik untuk hidup.

Saya bukan membantah ataupun saya bukan tidak setuju dengan adanya pembinaan. Memang kita perlukan pembinaan, tetapi saya rasa adalah penting semasa kita meluluskan mengambil kira tentang 'the density of development.' Saya mendapat gambaran seolah-olah banyak pihak berkuasa tempatan sudah ketepikan 'the density of development' dan impact seterusnya ke atas 'quality of life' ataupun mutu hidup di sekitar tempat-tempat ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya ingin bangkitkan adalah berkenaan dengan peri mustahaknya alam sekitar di pelihara supaya kita dapat mengekalkan pertumbuhan pesat dalam bidang pelancongan. Seperti apa yang kita semua sedia maklum, pelancongan ini merupakan suatu industri yang menghadapi persaingan yang hebat. Dalam hal ini kita harus selalu memikirkan tentang barang-barang atau produk-produk pelancongan yang baru. Kita tidak boleh selalunya bergantung kepada produk-produk pelancongan yang ditawarkan di mana jua pun—shopping, tengok tempat, itu sahaja. Dalam hal ini, kita menghadapi persaingan. Oleh yang demikian, adalah penting kita menawarkan produk-produk yang baru, dan di antara produk-produk baru adalah, 'eco-tourism'. Supaya 'eco-tourism' ini dapat dijayakan, kita mesti harus pelihara alam sekitar. Sebab 'eco-tourism' mengikut definisinya ialah pelancong-pelancong datang, suka mengembara di hutan dan tengok binatang-binatang liar dan sebagainya. Kalau kita tidak menjaga dan kita terus membangun secara fizikal dengan pesatnya, saya khawatir banyak tempat-tempat sedemikian

akan dimusnahkan, dan dengan demikian 'eco-tourism' ini yang mempunyai potensi yang banyak mungkin akan dihancurkan.

Oleh yang demikian, saya ingin merayu kepada Kementerian Pelancongan supaya mengambil kira tentang hal ini, iaitu memastikan bahawa tempat-tempat yang mempunyai potensi untuk dimajukan sebagai tempat-tempat bagi eco-tourism tidak dimusnahkan alam sekitarnya. Hanya yang demikian, dapatlah kita menawarkan produk-produk pelancongan yang baru dan dengan cara yang demikian barulah kadar pertumbuhan yang pesat dalam industri pelancongan ini dapat dikekalkan kepada peringkat yang tinggi.

Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Tuan Rahim Baba.

4. 27ptg

Tuan Rahim bin Baba: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk turut sama membahas dan seterusnya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1994) (No.2) 1994 yang berjumlah RM562,614,400.

Tuan Yang di-Pertua, dalam membahas Rang Undang-undang ini saya ingin menyentuh beberapa perkara, yang pertamanya di mana RM14.4 juta telah pun diperuntukkan untuk menyambut

Kebangsaan, lawatan ketua negara dan Juga pemimpin-pemimpin negara asing ke Malaysia, Majlis filawah AI-Quran Peringkat Kebangsaan dan juga sambutan Hari Pahlawan.

Saya dapati sambutan Hari Kebangsaan di negara kita iaitu pada 31hb Ogos ini nampaknya tidak lebih daripada merupakan, dengan izin, 'just another public holiday' sahaja. Kerana sambutan yang diadakan hanya kebanyakannya

tertumpu secara besar-besaran di Kuala Lumpur dan penyertaan mereka yang terlibat kebanyakannya adalah pegawai-pegawai kerajaan dan juga pegawai-pegawai diperingkat swasta, tetapi belum dapat kita lihat penyertaan yang secara voluntary, ataupun secara sukarela daripada rakyat kita supaya melahirkan rasa kesyukuran terhadap kemerdekaan negara. Kita tidak mahu rakyat negara ini mengambil pandangan bahawa Hari Kebangsaan ataupun Hari Kemerdekaan, dengan izin, 'just take thing for granted' seolah-olah barang itu berlaku dengan sendirinya. Oleh itu, saya berharap apabila menjelang Hari Kebangsaan, menjelang 31hb Ogos, banyak lagi peruntukan-peruntukan yang akan dikeluarkan oleh pihak Jabatan Perdana Menteri ataupun pihak kementerian-kementerian yang terlibat supaya lebih banyak lagi upacara-upacara yang boleh diturut serta oleh rakyat jelata supaya Hari Kebangsaan ini disambut secara besar-besaran. Kalau kita pergi ke negara lain, umpamanya ke Indonesia, biasanya tarikh 17hb Ogos itu disambut seolah-olah satu tarikh sebagai hari keramat yang sebegitu besar-besaran, rakyatnya berbangga dengan tarikh itu, tetapi keadaannya agak berbeza dengan kita menyambut 31hb Ogos. Kalau kita pergi ke Jakarta kita boleh lihat bendera dipasang di mana-mana pun; di gedung-gedung perniagaan, di rumah-rumah, di kereta-kereta pun dipasang bendera masing-masing, termasuk di basikal, di beca dan dan sebagainya.

Tetapi trend ini walaupun baru bermula di negara kita, tetapi saya percaya ianya boleh diperbaiki lagi dan kerajaan boleh memberikan bendera-bendera secara percuma. Kalau pun tak diberikan secara percuma, kalau tak dapat diberikan kepada individu, sekurang-kurangnya diberikan kepada pertubuhan-pertubuhan secara percuma dan pastikan mereka ini memasang bendera-bendera di rumah, di kenderaan ataupun sebagainya supaya lebih meriah lagi kita menyambut

Hari Kebangsaan supaya generasi muda kita akan mengingati tentang perjuangan-perjuangan yang telah pun lalu, betapa susahnyanya kita untuk mencapai kemerdekaan.

Dan begitu juga bandar-bandar dihias, bandar-bandar kecil, bandar-bandar besar baik di Kuala Lumpur ataupun bandar-bandar lain pun tetap di hias dengan secara besar-besaran dan surat-surat khabar kita, media massa kita juga memainkan peranan sekurang-kurangnya dua ataupun tiga minggu sebelum menyambutnya Hari Kebangsaan ini digunakan Hari Kebangsaan ini sebagai satu hari yang boleh menyatu padukan kita dan juga memperingatkan kita tentang keadaan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dahulu saya pernah menyentuh tentang sambutan Hari Pahlawan. Saya percaya, Hari Pahlawan yang disambut pada 31hb Julai. Saya berharap Hari Pahlawan juga disambut sebagai satu hari yang diadakan majlis secara besar-besaran diberikan peruntukan-peruntukan kepada madrasah-madrasah, surau-surau untuk mengadakan Majlis-majlis Tahjil ataupun sebagainya, kalau yang bukan beragama Islam diadakan sembahyang-sembahyang di gereja-gereja ataupun di kuil-kuil untuk memperingati pejuang-pejuang, mereka yang telah pun gugur semasa mempertahankan kemerdekaan negara ataupun yang menjadi tentera-tentera kita yang telah pun banyak berjasa kepada negara kita.

Tetapi malangnya, pada tahun sudah pun. saya berkesempatan pergi juga ke perayaan Hari Pahlawan yang diadakan di Tugu Negara, saya lihat kerusi untuk pelawat-pelawaf khususnya kerusi untuk duta-duta lebih penuh, lebih banyak daripada kerusi yang diisi oleh pembesar-pembesar ataupun oleh pemimpin-pemimpin tempatan. Saya pun naik malu juga apabila melihat keadaan ini berlaku. Kita pastikan supaya biarlah

kerusi-kerusi yang diperuntukkan kepada pegawai-pegawai kerajaan itu pun sama penunya, sama banyaknya dengan kerusi-kerusi yang diperuntukkan dengan duta-dutadari luar negara ataupun wakil-wakil dahpada luar negara supaya kita juga sebagai satu bangsa yang mengingati Hari Kebangsaan, Hari Pahlawan dan juga metnberi penghargaan yang tinggi kepada pahlawan negara;

Tuan Yang di-Pertua: Maksud B. 14—Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Disini telah pun diperuntukkan RM745,000 perbelanjaan untuk mengurus jabatan perkhidmatan pembedungan. Sebagaimana yang kita ketahui sekarang ini, perkhidmatan pembedungan telah pun diswastakan dan bil pembedungan nampaknya memanglah kita yang sama-sama meluluskan di Dewan ini, tetapi apabila saya melihat bil air yang saya terima, saya pun agak terperanjat apabila melihatkan caj minimum yang dikenakan ialah RM20 untuk satu tempat kediaman. Saya difahamkan bil yang lebih tinggi dikenakan oleh pihak Indah Water Konsortium kepada premis-premis perniagaan dan jugapremis-premiskilang-kilang dan sebagainya. Tetapi saya difahamkan/ masalah ini sedang dirundingkan. supaya jalan penyelesaian dapat diambil kerana minimum RM20 yang dikenakan ini walaupun tidak sebegitu membebankan kepada setengah-setengah pihak, tetapi saya percaya ianya sungguh-sungguh membebankan, kepada mereka yang berpendapatan rendah khasnya mereka yang duduk di kawasan-kawasan rumah pangsa umpamanya. Mereka ini terpaksa membayar bil elektrik, bil air, bil pembedungan, management fee, dengan izin, dan sebagainya. Ini pun agak membebankan dan saya berharap supaya kadar minimum RM20 yang dikenakan ini, dapat dikaji semula ataupun dikurangkan kerana saya dapati Indah Water ini apabila mereka itu mendapat konsesi untuk perkhidmatan pembedungan, apabila syarikat ini hendak dijualkan

kepada Berjaya Group, saya difahamkan pemegang-pemegang konsesi ihi telah pun mendapat keuntungan yang berlipat-lipat kali ganda. Ini bermakna secara tidak langsting melalui projek penswastaaan ini rakyat-sendiri terpaksa memikul bebannya.

(Timbalan Yang di-Pertua *triempengerusikan Mesyuarat*)

Jadi, saya berharap supaya pihak Kementerian Kewangan khasnya dapat meneliti balik tentang bil perkhidmatan pembedungan, tambahan pula pada peringkat ini ataupun perkhidmatan pembedungan ini baru sahaja diambil alih oleh Syarikat Indah Water dan kalau boleh supaya biar-rakyat melihat dahulu apa yang boleh dilakukah oleh Indah Water barulah mereka ini puas hati kalau pun terpaksa rhembayar minimum RM20 sebulan. Tetap setaka ini saya fikir secara mata'kasarnya belum dapat dilihat lagt-peranan yang telah pun dimainkan oleh pihak Indah Water tetapi rakyat telah pun diminta untuk membuat-bayaran kepada Syarikat Indah Water.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh balik tentang Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, walaupun perkara ini kecil, saya sungguh tertarik dengan lawatan-lawatan mengejut yang diadakan oleh Yang Berhormat Menteri Perumahan dari Kerajaan Tempatan dan saya percaya lawatan-lawatan mengejut seperti ini untuk melihat sendiri keadaan-keadaan longkang, keadaah-keadaan parit dan sebagainya amatlah berkesan sekali. Adanya Majlis-majlis Tempatan yang on the surface, dengan izin, yang nampaknyabersih tetapi kalau kita lihat di belakang, longkang-longkang ' ataupun- parit-parit dan sebagainya tidak begitu teratur dan itulah sebabnya berlaku-banjir-banjir kilat di merata negara pada masa ini kerana banyak longkang-longkang ataupun parit-parit yang tersumbat di mana air tidak dapat mengalir" dengan laju. Jadi, saya berharap

supaya pihak kementerian juga memberikan peruntukan yang lebih supaya dapat suatu masalah banjir dan juga masalah kualiti hidup ini dapat di pertingkatkan.

Saya juga berharap supaya satu jawatankuasa penyelarasan ditubuhkan di peringkat bandar ataupun Majlis-majlis Tempatan yang bersempadanan di antara satu dengan yang lainnya. Tidak guna kalau di Kuala Lumpur umpamanya, mempunyai satu standard longkang yang besar, tetapi apabila masuk sahaja ke daerah Petaling Jaya ataupun masuk sahaja ke daerah Puchong, Majlis Daerah pula mempunyai spesifikasi yang berbeza. Jadi, di sini akan berlaku 'bottle-neck' dan di sinilah akan berlaku masalah-masalah banjir kilat. Jadi, kita berharap supaya satu jawatankuasa penyelarasan di peringkat kebangsaan ditubuhkan untuk meneliti keadaan longkang-longkang di keseluruhan Majlis-majlis Tempatan umpamanya yang bersempadanan di antara Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Majlis Daerah Puchong, Subang Jaya, Hulu Langat, Ampang yang bersekitaran supaya mereka ini duduk bersama-sama memikirkan masalah-masalah banjir kilat yang berlaku ditempat masing-masing itu tidak guna kalau masing-masing menyelesaikan masalah secara bersendirian.

Apa yang berlaku sekarang ialah apabila berlaku banjir, umpamanya, di Petaling Jaya, hanya Majlis Tempatan (MPPJ) sahaja yang duduk inencari jalan penyelesaian, pada hal apa yang berlaku di Petaling Jaya adalah disebabkan air yang datang daripada Kuala Lumpur dan air yang datang daripada kawasan Hulu Langat, air yang datang dari Ampang dan juga sebagainya. Kemungkinan berlakunya bottle-neck di dalam Majlis-majlis Tempatan ini. Jadi, saya berharap supaya pihak Kementerian Perumahan dan juga Kerajaan Tempatan dapat memikirkan masalah ini dan dapat mencari jalan penyelesaian. Saya percaya di antara Majlis-majlis Tempatan ini, pihak

kementerianlah yang sepatutnya menjadi penyelarasan kepada Majlis-majlis Tempatan ini.

Tuan Yang di-Pertua, tadi sahabat saya juga telah menyentuh tentang Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, walaupun peruntukan yang diberikan di dalam ini hanya RMI juta untuk membiayai perbelanjaan feasibility study and land reform adjustment in - Malaysia, tetapi saya juga ingin mencadangkan supaya Jabatan Perancangan Bandar dan Desa menubuhkan suatu jawatankuasa khas untuk membuat kajian tentang kepadatan penduduk. Masalah ini telah pun mula kita rasai di bandar-bandar besar seperti di Kuala Lumpur, di Petaling Jaya, di Pulau Pinang, di Ipoh, di Johor Bahru dan mungkin satu hari esok ianya juga akan menular ke tempat-tempat lain.

Terdapat perbezaan yang terlalu ketara tentang kepadatan penduduk antara satu bandar dengan satu bandar yang lain, antara satu majlis tempatan dengan satu majlis tempatan yang lain. dan pada masa yang sama juga, terdapat perbezaan kepadatan penduduk apabila bertukarnya Presiden Majlis Bandar bila bertukar orang lain, mungkin dia pula mempunyai pandangannya sendiri, dia pula akan memikirkan satu kepadatan penduduk yang lain yang berbeza daripada apa yang telah pun diluluskan oleh pegawai ataupun pengerusi majlis tempatan sebelum itu.

Jadi, saya berharap supaya Jabatan Perancangan Bandar dan Desa memikirkan satu garis panduan untuk membuat kajian untuk menentukan kepadatan penduduk, umpamanya, di Kuala Lumpur—berapa kepadatan penduduk yang sepatutnya ada, adakah 20 orang bagi satu ekar ataupun 50 orang bagi satu ekar ataupun sebagainya? Tetapi di bandar-bandar kecil yang lain pula, bagaimana bentuk kepadatan penduduk. Apa yang berlaku sekarang, kita buat perancangan secara *id-hoc* basis, di mana pun ada permohonan, jikalau kuat lobinya, betul

cara-cara perundingannya, kadangkala kita akan dapat kepadatan penduduk yang tinggi alau pun "population density" yang tinggi, tetapi kadangkala itu, di sesetengah tempat tidak diberikan kepadatan penduduk yang sama.

Jadi, biarlah ada satu garis panduan yang digunakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa. Begitu juga dengan pertumbuhan bandar-bandar baru di seluruh negara kita. Kita tidak mahu bandar-bandar diwujudkan dengan sesuka hati, di mana sahaja akan diwujudkan bandar-bandar. Saya percaya dari segi pengajaran-pengajaran kita pada masa-masa yang dahulu, di mana ada jalan raya di situ akan dibuatkan bandar-bandar, selepas itu setelah 20 ataupun 30 tahun, apabila menjadi sesak, selepas itu kita alihkan jalan raya itu. Kepada generasi-generasi lama seperti saya, kita dapat melihat, umpamanya seperti Bandar Sungkai, di Perak, Tanjong Malim—jika dahulu jalan lamanya betul-betul melalui dalam bandar Tanjong Malim, tetapi 20-30 tahun selepas itu oleh kerana terlampau sesak, dialihkan. Kemudian tumbuh pula bandar-bandar dan bangunan-bangunan baru di sekitar jalan tersebut. Begitu juga seperti Bandar Sungkai, Tapah dan juga yang lain-lainnya.

Jadi, apa yang kita harapkan ialah supaya satu penyelidikan dan kajian dibuat supaya satu perancangan tentang bandar-bandar baru yang akan dibina, supaya jangan pula; umpamanya, sekarang ini kita sudah banyak highway yang telah kita bina—saya percaya dalam sedikit masa lagi esok, banyak lagi bandar-bandar baru akan tumbuh di sepanjang highway yang ada sekarang ini. Kita mahu biarlah bandar-bandar ini tumbuh dengan secara yang terancang dan tidak tumbuh dengan cara yang mendadak ataupun secara yang tidak terancang.

Tuan Yang di-Pertua, Maksud B.17 Kementerian Belia dan Sukan, diberikan peruntukan RM4.42 juta—untuk program

khas belia dan sukan di peringkat daerah sumbangan kepada kerajaan Negeri Perak dan juga sebagainya, untuk sukan SUKMA dan juga penyertaan sukan Asia pada bulan Oktober, 1994 yang lalu. Saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kementerian Belia dan Sukan yang telah pun dengan secara tiba-tiba, boleh dikatakan secara kejutan, projek Rakan Mudanya telah pun berjaya menarik minat boleh dikatakan setiap genap lapisan masyarakat, baik anak-anak sekolah, baik belia-belie di mana kesemuanya bercakap tentang projek Rakan Muda, walaupun kita terpaksa membayar—saya tidak tahu mana figure yang betul, Setiausaha Parlimen kata RM88.6 juta selepas itu Yang Berhormat Menteri pula kata RM34 juta lebih telah pun diperuntukkan kepada Lim Kok Weng Incorporated, cuma apa yang saya harapkan ialah, kalau pihak kementerian hendak membuat sesuatu pengumuman itu, biarlah pengumuman itu selaras.

Saya masih lagi pada hari yang pertama, Setiausaha Parlimen kata belum ada lagi peruntukan ataupun tidak diluluskan—cuma baru cadangan sahaja kepada Lim Kok Weng Incorporated. Kemudian, besoknya pula, dibuat lagi satu statement mengatakan RM88.6 juta dan selepas itu apabila MBM menimbulkannya balik, Menteri sendiri kata, peruntukan sebenarnya ialah RM34 juta

Saya tidak mempertikaikan tentang jumlah yang dibelanjakan. Kemungkinannya pada setengah orang RM88.6 juta mungkin satu angka (figure) yang tinggi, tetapi pada sesetengah pihak, kemungkinannya angka ini bukanlah satu angka yang tinggi, tetapi apa yang kita harapkan ialah supaya biarlah ada penyelarasan supaya rakyat jangan terkeliru dengan pengumuman-pengumuman yang dibuat. Tetapi walau bagaimanapun, saya lihat tambahan yang diberikan untuk beberapa program khas belia dan sukan di peringkat daerah,

sebanyak RM4.4 juta itu pun bukannya untuk sukan di peringkat daerah sahaja, tetapi untuk semuanya sekali.

Apa yang kita harapkan ialah supaya peruntukan sukan di peringkat daerah kepada pertubuhan pertubuhan belia, di samping kita memberikan peruntukan khas sebanyak RM88.8 ataupun RM34 juta ini kepada Lim Kok Weng Incorporated, untuk menganjurkan projek Rakan Muda pada masa yang sama saya harapkan peruntukan-peruntukan bagi pertubuhan-pertubuhan suka dari pertubuhan-pertubuhan belia janganlah pula dikurangkan. Malahan kita berharap peruntukan-peruntukan ini akan dapat ditambahkan supaya sukan akan dapat kita jadikan sebagai suatu wadah, bukan sahaja untuk memberikan kesihatan kepada rakyat, ianya juga akan memberikan suatu wadah yang boleh menyatu-padukan rakyat di negara kita ini.

Kita berharap juga, kerajaan akan melihat perbelanjaan di bidang sukan sebagai satu pelaburan ataupun sebagai satu investment. Kalau rakyat kita sihat, kemungkinannya kerajaan dapat pulangan melalui kurangnya perbelanjaan dari segi perubatan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita boleh berbangga secara syok sendiri tentang pencapaian kita di Sukan Asia pada bulan Oktober 1994 yang lalu tetapi saya rasa, pencapaian kita boleh dipertingkatkan lagi. Kita berharap pertubuhan-pertubuhan sukan di negara kita ini diberikan bantuan yang sebanyak-banyaknya " oleh pihak kerajaan. Sebagaimana yang telah pun saya katakan tadi, lihatlah industri sukan ini sebagai satu investment ataupun sebagai satu pelaburan untuk rakyat negara kita ini. Berilah lagi banyak kemudahan-kemudahan sukan di peringkat daerah, di peringkat negeri. Janganlah kemudahan-kemudahan sukan hanya terdapat di peringkat kebangsaan sahaja.

Rakyat tentulah kalau datang ke Stadium Shah Alam sampai, 400 juta lebih sebuah stadium dalam masa 3, 4 tahun boleh dibina tetapi pemuda-pemuda dan belia-belia yang minta court badminton ataupun minta court takraw di kampung-kampung, kita perlengah-lengahkan ataupun diberikan alasan tidak ada peruntukan ataupun sebagainya. Ini akan menimbulkan satu perasaan rakyat, perasaan pemimpin-pemimpin belia, saya dapat memahami perasaan pemimpin-pemimpin MBM apabila mereka menentang projek Rakan Muda yang berbelanja RM80 juta lebih ini.

Saya tidak mempersoalkan tentang kejayaannya. Tentang kejayaannya, saya tidak fikir. Ada pihak yang boleh mempertikaikan kejayaan projek Rakan Muda ini.

Tuan Yang di-Pertua, Maksud B.25 iaitu Kementerian Pertahanan telah pun diberikan peruntukan RM50 juta untuk membiayai kerja-kerja penyelenggaraan, menaikkan taraf dan juga membaikpulih kem-kem tentera di seluruh negara dan RM30 juta sebagai grant pelancaran penubuhan Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT).

Saya mengalu-alukan peruntukan untuk Angkatan Tentera kerana industri pertahanan ini mungkin ada pihak yang merasakan seolah-olah apa yang kita belanjakan untuk pertahanan negara, apa yang kita belanjakan untuk memberikan keselesaan kepada tentera kita ataupun membeli peralatan-peralatan moden dan canggih sebagai satu pembaziran ataupun satu yang tidak diperlukan. Apabila berlaku peperangan barulah alat-alat ini diperlukan. Kalau tidak ianyabukan sahaja merupakan sebagai pembaziran, sebagai satu peruntukan yang tidak diperlukan. Ini satu pandangan yang salah pada pandangan saya. Kita hendaklah bersedia. Di masa aman, kita hendaklah bersedia untuk menghadapi peperangan dan di dalam peperangan kita hendaklah bersedia untuk menghadapi keamanan.

Jadi, sekarang ini kita berada di dalam keadaan aman, jangan kita sangka keadaan aman ini suatu yang boleh kita, take thing for granted. Satu yang datang dengan sendirinya. Ini adalah kerana adanya Angkatan Tentera kita. Saya percayakalau Angkatan Tentera kita tidak diberikan peruntukan-peruntukan yang setimpal, kalau kem-kem tentera kita seperti mana yang keadaannya seperti yang telah pun ditinggalkan oleh penjajah, yang, telah pun dibina pada tahun-tahun 1950-an dahulu kerana saya tinggal di kawasan Sungai Besi, saya tahu keadaan-keadaah kem-kem tentera ini yang telah pun begitu usang, yang telah pun begitu lama hendaklah dinaikkan taraf, hendaklah diberikan peruntukan-peruntukan, hendaklah dilakukan kerja-kerja penyelenggaraan supaya kem-kem tentera kita ini bersesuaian dengan keadaan, dengan kedudukan pada masa sekarang.

Jadi, saya berpendapat adalah tidak sesuai ataupun tidak wajar kalau seseorang tentera yang duduk dalam kem-kem, yang telah pun sebegitu usang pada masa yang sama, tentera yang sama kita mihta pula mereka itu umpamanya mengendalikan kapal-kapal perang kita yang sungguh canggih seperti yang baru-baru ini dilancarkan di Sweden, kalau tidak silap saya, oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan.

Jadi, tidak ada penyesuaian daripada pemikiran Angkatan Tentera kita. Kalau boleh, biarlah kem-kem mereka itu, kem-kem yang termoden, yang boleh kita banggakan. Perumahan mereka, pun diberikan kemudahan-kemudahan yang setimpal supaya mereka ini juga mendapat kalau dahulu saya difahamkan banyak kem-kem tentera diadakan hanya sekadar rumah-rumah keluarga mereka hanya satu bilik tidur sahaja tetapi sekarang ini, syukur alhamdulillah, saya telah pun difahamkan oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan semua unit-unit rumah dalam kem tentera akan dibekalkan dengan sekurang-kurangnya 3 bilik tidur.

Ini satu pendekatan yang bersesuaian dan kita berharap juga, dengan ini akan dapat menaikkan lagi semangat tentera kita dan kita sepatutnya berterima kasih kepada Angkatan Tentera kita kerana dengan adanya Angkatan Tentera kita kita dapat hidup dalam keadaan yang aman, keadaan yang teheram, kita dapat menjalankan perniagaan kita dengan tidak ada diganggu-gugat oleh mana-mana pihak.

Tuan Yang di-Pertua, Maksud B.29 iaitu Perkhidmatan Am Perbendaharaan. Saya hanya ingin bertanya serba sedikit kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai RM17 juta pampasan kepada Federal Express Corporation ini kerana berikutan nahas. Flying Tigers Flight 66 berhampiran - Lapangan Terbang Antarabangsa Subang. Saya tidak faham kenapa pula kita terpaksa membuat bayaran. Adakah ini disebabkan oleh kesalahan kita? Adakah ini disebabkan oleh kelalaian kerajaan sendiri ataupun kelalaian pihak japangan terbang kita sehingga berlakunya accident ini ataupun berlakunya kemalangan ini? Jadi, saya harap dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, Maksud B.39 Jabatan Pendaftaran Negara. Baru-baru ini, saya percaya sejak beberapa bulan yang lalu kita telah pun dikejutkan ataupun juta telah pun menerima banyak rungutan dari rakyat jelata mengenai kelewatan kita mendapatkan I/C ataupun kad pengenalan baru yang bermutu tinggi yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara dan kali ini Jabatan Pendaftaran Negara dibeiiikan peruntukan RM2.4 juta untuk menampung pembinaan kaunter, kos ubah suai pejabat termasuk pembelian peralatan pejabat Pendaftaran Negara di ibu pejabat dan juga bangunan-barigunan Persekutuan Petaling Jaya dan juga beberapa tempat yang lain.

Saya hanya ingin menyentuh tentang saya berkesempatan pergi ke Jabatan

Pendaftaran Negara kerana mendaftarkan anak yang telah pun cukup-12 tahun, khasnya di Wilayah Persekutuan. Saya masuk sahaja. sayaraseolahsayaberada dalam satu suasana' yang berlainan sungguh. Saya tengok begitu ramai sekali, tidak pernah saya terfikir begitu ramai sekali mereka yang hendak memohon untuk mendapatkan kad pengenalan, untuk membuat kad pengenalan baru dan juga sebagainya.

Tidak ada satu perasaan kalau saya hendak masuk, saya hendak tunggu lama di dalam pejabat itu. Kita hendak supaya kerajaan kita sekarang ini mempunyai kemewahan-kemewahan. Saya berharap Jabatan-jabatan yang rriaha rakyat selalu benirusan supayaperuntukan-peruntukan diberikan kepada mereka ini untuk mendapatperkhidmatan yang lebih selesa. Pejabat-pejabat ini diberikan air-condition, diberikan kipas dan sebagainya ataupun terpat duduk yang lebih selesa—tempat menunggu yang lebih selesa dan berilah keselesaan.

Kerana kita mesti ingat, wang yang ada pada kerajaan ini sebenarnya wang daripada titik peiuh rakyat. Maknanya wang mereka juga."Saya fikir tidak salah kalau kerajaan memberikan keselesaan kepada rakyat kitasupayapejabat pejabat kerajaan.bukan hanya Jabatan Pendaftaran Negara, tetapi kesemua.pejabat-pejabat kerajaan supaya diberikari.peruntukan-'pcruntukan khas, khasnya di tempat-tempat yang sirategik atau tempat-tempat menurigggu, umpamanya. Umpamanya di hospital-hospital, kadang-kadang bila hendak pergi bawa orang sakit, orang yang sakit hendak menunggu doktor pun bertambah sakit lagi/Kita yang bawa orang sakit pun, kalau balik itu pun, kita yang sihat pun, entah-entah pun akan sakit juga kerana melihatkan suasana, kerana panasnya dan tidak ada kemudahan-kemudahan.

Saya percaya, tidaklah sebegitu membebankan kerajaan kalau kemudahan-

kemudahan di pejabat-pejabat yang selalu didatangi oleh rakyat, rakyat terpaksa menunggu.kadangkalaberjam-jamuntuk mendapatkan satu perkhidmatan. ,Saya fikir, setengah-setengah rakyat pun tak kompelin sangat kalau terpaksa menunggu lamapun, tetapi kalau suasana menunggu itu, baik di Jabatan Pendaftaran Negara, baik di JPJ - saya percaya JPJ telah pun membuat embaharuan.Saya sudah pergi baru-baru ini, memangiah cukup selesa. Umpamanya di Imigresen - Imigresen di Kuala Lumpur ini, tetapi tempat lain saya tak lahu. Tetapi pejabat-pejabat yang strategik yang ramai didatangi oleh rakyat ini supaya diberikan peruntukan-peruntukan yang lebih supaya pejabat-pejabat ihi bila rakyat datang pun mereka senang hati. Jadi, tidak terasa seolah-olah satu penyiksaan kalau pergi ke pejabat-pejabat kerajaan ataupun apabila menunggu perkhidmatan—perkhidmatan yang akan diberikan oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Maksud B.52, Kementerian Kerja Raya. Tadi pun saya sudah sebut apabila saya bercakap tentang Jabatan Pendaftaran Negara. Kementerian Kerja Raya diberikan peruntukan sebanyak RM212 juta untuk kos penyelenggaraan bangunan-bangunan sekolah, bangunan-bangunan di bawah Kementerian Kesihatan, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dan sebagainya. Saya berharap supaya penyelarasan dibuat oleh Kementerian Kerja Raya kerana ini ada disebutkan tentang penyelenggaraan jalan dan jambatan dan juga kerja-kerja penyelenggaraan yang disalurkan.oleh Jabatan Pembangunan Persekutuan Sabah.

Mengenai penyelenggaraan jambatan-jambatan, saya hendak bercakap dari segi konteks Kuala Lumpur sahaja. Saya dapati di Kuata Lumpur ini, kalau tak silapsaya terdapat 10 jambatan-jambatan di Kuala Lumpur ini. Selama ini, tidak "ada langsung dibuat pembaharuan, pembetulan ataupun penyelenggaraan. Tiba-tiba, dalam masa yang sama dan

serentak, dua jambatan ditutup di Kuala Lumpur ini kerana kerja-kerja penyelenggaraan. Saya berharap supaya Jabatan Kerja Raya dapat menjadualkan supaya tidak menyusahkan rakyat. Maklumlah, di Kuala Lumpur ini-Pusat Bandar, kalau sudah dua jambatan ditutup', satu jalan ditutup pun sudah cukup untuk menyebabkan traffic jam ataupun kesesakan lalu-lintas. Ini pula ditambah "dengan LRT yang membuat kerja-kerja. Dua buah jambatan ditutup-korek lubang, gali lubang, entah berapa lagi pun, itu tak sempat saya hendak kira. Tetapi dari segi jambatan, sayalihat, kalau boleh dibuatkan ;penyelarasan. Jambatan ini siap, baru jambatan yang itu pula ditutup selepas itu, jadi tidak adalah berlaku kesesakan.

Apa yang berlaku di Kuala Lumpur ini adalah kerana, kerja-kerja yang dilakukan oleh Kementerian Kerja Raya mengenai dua jambatan, umpamanya. Selepas itu pada masa yang sama dibuat pula LRT, selepas itu buat pula pembesaran-pembesaran jalan. Selepas itu. Polis pula kadang kala tutup pula jalan. Tutup pula setengah-setengah jalan itu kerana hendak menghalakan trafik ke tempat lain. Pada hal, trafik ini mahu tidak mahu, ia akan masuk juga. Apabila Polis menutup jalan, dia bukannya menyelesaikan masalah, dia hanya transfer the problem sahaja. Dia hanya memindahkan masalah dari satu tempat ke satu tempat. Itulah sebabnya berlaku kesesakan yang dahsyat di Kuala Lumpur pada ketika ini. Kalau dapat diselaraskan-katakan jambatan di Campbell sekarang ini saya fikir sudah hampir dua tahun lebih ditutup. Beri masa, rasa enam bulan kepada kontraktor, mesti siap. Selepas itu, baru jambatan-jambatan lain pula. Jadi, jangan pada satu ketika dua ataupun tiga jambatan ditutup. Itulah sebabnya berlaku kesesakan yang dahsyat di Kuala Lumpur ini.

Tuan Yang di-Pertua, cuma itu sahaja pandangan saya mengenai peruntukan-peruntukan iaitu RM562 juta peruntukan

tambahan yang telah pun dipohon oleh Kementerian Kewangan untuk diluluskan. Jadi dengan kata-kata itu, saya menyokong Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad.

5.06 *ptg.*

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya kesempatan untuk membincangkan Perbelanjaan Tambahan yang membabitkan wang sebanyak RM562,614,400.

Tuan-Yang di-Pertua, saya sungguh berasa kagum keprihatinan kerajaan terhadap rakyat di negara ini. Oleh sebab yang demikian, maka peruntukan tambahan ini telah dilaksanakan. Ingin saya menyentuh Maksud B.15-Jabatan Perancangan Bandar dan Desa. Satu-satunya Jabatan yang meneritukan keadaan di sesuatu tempat, bagaimana perancangan-perancangan itu akan dilaksanakan dan bagaimana perancangan tu akan boleh bertahari lama memandang keadaan rakyat di negara ini daripada satu hari ke satu hari, daripada satu masa ke satu masa ianya bertambah ramai". Oleh sebab itu, perancangan yang teliti untuk bandar dan lesa demi kesesuaian yang akan dinikmati oleh rakyat selama-lamanya perlu dikaji dengan teliti, demi tidak ada perubahan demi perubahan kita akan melaksanakan.

Ini akan membabitkan lebih banyak lagi perbelanjaan walaupun pada tambahan kali ini, ia diberi RM1 juta, tetapi kemungkinan kita juga mesti memikirkan bahawa ianya perlu dirancang dengan teliti apa yang saya katakan tadi. Oleh sebab yang demikian, RM1 juta ini adalah tempoh yang rasa saya budgetnya tidak begitu memadai. Walau bagaimanapun, buat sementara ini, kita memang bersetuju. Oleh yang demikian, saya berharap Perancang Bandaran dan Desa bukan sahaja

memikirkan masalah setempat ataupun memikirkan masalah semasa ini, tetapi juga keadaan-keadaan alam sekeliling yang perlu diperbaiki pada ketika ini juga perlu difikirkan. Saya mengatakan demikian- sebab adalah menjadi satu kesusahan, kerana kadang-kadang perancangan itu tidak berapa baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya masuk kepada Maksud B. 17—Kementerian Belia dan Sukan untuk Rakan Muda. Media massa mengatakan RM88 juta. Hari ini saya baca, RM4.4 juta dan kenyataan yang ada di hadapan saya ini ialah RM4,427,400. Ini adalah yang sebenarnya. Apa yang saya harapkan, Rakan Muda, bukan satu perkara yang mudah. Kita telah ketinggalan dan kita lambat mengambil satu inisiatif tetapi walau bagaimana sekalipun, kerajaan telah melihat, mengkaji dan telah menyedari bahawa Prpgram Rakan Muda ini perlu diperbaiki/dan perlu dipadukan demi generasi kita hari ini dapat menghadapi cabaran hidup pada masa akairdatang.

Tuan Yang di-Pertua, Rakan Muda adalah satu rancangan oleh Kementerian Belia dan Sukan walaupun ada segelintir yang tidak atau kurang bersetuju dengan Program Rakan Muda ini ditubuhkan, kemungkinan ianya kurang mendapat kepastian, kurang mendapat penerangan, maka ianya menjadi kemusykilan. Oleh yang demikian, saya berharap Kementerian Belia dan Sukan supaya disalurkan, diberi penerangan sepenuhnya ke merata-rata negeri, ke merata-rata daerah. apakah matlamat Program Rakan Muda ini dibuat oleh kementerian, apa sebabnya ianya dibuat, mengapa ianya dibuat, di mana dibuat, perancangan-perancangan-ini juga mesti disalurkan, diberitahu.

Saya juga mengharapkan supaya Rakan Muda ini ditekankan kepada permainan-permainan lama supaya ianya dapat dihidupkan kembali. Walaupun ada di dalam perancangan, saya telah membaca

sepintas lalu, ada perarancangan-perancangan permainan"lama ini akan dikembalikan, dihidupkan kembali di bawah program Rakan Muda ini.

Uten yang demikian, saya mengharapkan Kementerian Belia dan Sukan supaya diteliti dan dikaji berapa banyakkah permainan-permainan lama dahulu yang boleh dihidupkan ketika ini dengan mengambil kesempatan yang diberi oleh kementerian di dalam duit yang begitu banyak—RM4.4 juta ini. Saya mahukan bahawa permainan-permainan ini bukan digolongkan pada satu-satu bangsa ataupun satu-satu rakyat, maksud saya bukan sahaja kepada orang-orang Melayu tetapi juga mesti disalurkan, diberitahu, diberi penerangan kepada bangsa-bangsa asing yang kita ini mempunyai berbagai-bagai kaum di dalam negara kita. Oleh sebab itu, kalau kita fikirkan permainan lama seperti permainan gasing, guli, silat dan berbagai-bagai kebudayaan ataupun permainan, kita juga jangan lupa masalah kebudayaan. Kita juga mungkin ingin mencampurkan ataupun ingin membuat lagi satu perancangan dinamakan pula Program Badan Kesenian dan menimbul dan mencungkil kembali kesenian-kesenian lama yang telah terpendam ketika ini.

Tuan Yang di-Pertua, RM4.4 juta bukan sedikit wang. Oleh sebab itu, saya tahu Kementerian Belia dan Sukan ini kekurangan pegawai. Kadang-kadang ini pegawai-pegawai ini tidak terlaksana. Kalau duit ada, pegawai tidak ada-tidak jalan/Pegawai ada, duit tidak ada-lagi tidak jalan Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab itu, kita mesti memperseimbangkan keadaan. duit, keadaan kewangan kita dengan keadaan pegawai-pegawai yang ingin menjalankan tugas yang berat ini kerana kita telah terlambat melaksanakan Program Rakan Muda ini. Oleh sebab itu kita belum tercicir untuk menjalankannya. Oleh yang demikian, saya mengharapkan bahawa Kementerian Belia dan Sukan tiap-tiap kali saya berdiri di sini, saya menyokong supaya melebihi ramaikan lagi

pegawai-pegawai belia-belia dan sukan ini di daerah-daerah. Tetapi apa yang mendukacitakan saya, tiap-tiap kali saya berdiri di dalam Dewan yang mulia ini; pegawai ditempat saya masih demikian juga keadaannya. Seorang pegawai, seorang kerani. Empat tahun dulu saya bercakap pun begini juga; seorang pegawai seorang kerani. Kalau tidak dengar kita bercakap, siapa hendak bercakap lagi. Dewan yang mulia ini mesti mengambil perhatian . berat. Wakil daripada kementerian yang ada di dalam Dewan ini mesti menyuarakan ini kepada menteri supaya ianya dapat dilaksanakan demi kebaikan Program Rakan Muda yang dirancang - RM4.4 juta ini biar berjaya. Biar terlaksana! Biar ianya mendatangkan manfaat kepada rakyat-rakyat-kita pada masa akan datang. Jangan duit begini banyak membazir. begitu sahaja,- tidak dapat dilaksanakan kerana tidak cukup pegawai-pegawai untuk menjalankan tugas-tugas yang berat ini. Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, saya mengharap semoga Kementerian Belia dan Sukan berjaya di dalam usaha yang murni ini. Bukannya saya mengatakan ini kerana marah—tidak. Demi kebaikan belia, demi kebaikan pemuda-pemuda.

Pegawai-pegawai belia kadang-kadang saya rasa juga kurang puashati sedikitlah, Tuan Yang di-Pertua. Sebab saya ini ialah Pengerusi MAYC Negeri Sembilan. Di Negeri Sembilan itu okaylah. Hari ini saya Naib Presiden MAYC Malaysia. Saya mesyuarat peringkat kebangsaan, kadang-kadang wakil daripada Kementerian Belia dan Sukan tidak pernah hadir. Ini yang kadang-kadang kita tidak dapat menyalurkan perasaan belia kepada kementerian. Apa masalah-masalah belia kepada kementerian supaya menteri dapat mempertimbangkan hasrat rakyat, hasrat belia melalui mesyuarat tadi. Hantarlah wakil, apa salah. Tetapi berbalik juga apa cakap saya ladi Tuan Yang di-Pertua, tidak cukup pegawai. Apa hendak dihantarkan? Banyakkan pegawai kembali. Tengok di mana yang sesuai

pegawai-pegawai ini harus diwujudkan, kita wujudkan." Di mana keperluan-keperluan yang mesti ada pegawai-pegawai yang bertanggungjawab terhadap belia-belia ini, terhadap Program Rakan Muda yang hendak dilaksanakan ini; wujudkan! Jangan suruh orang terbahg, ekornya dipegang. Jangan buat pegawai-pegawai ini macam layang-layang pun susah juga. Suruh dia terbang tetapi talinya dipegang. ' Susah juga.. Tetapi perseimbangan ini perlu. Bak kata saya tadi, ada duit mesti ada pegawai yang hendak menjalankan. Kalau ada duit, tidak ada pegawai yang hendak menjalankan - tidak jalan. Saya ulang kali yang kedua. Ada pegawai, tidak ada duit: No! Tidak boleh jalan. Ada duit, tidak ada pegawai pun tidak boleh jalan. Jadi, perseimbangan ini perlu. Sekali lagi saya ingin menekankan di sini supaya Menteri Belia dan Sukan meriuarakan suara saya ini, dapat hasrat saya ini dipenuhi supaya Program Rakan Muda ini berjaya pada masa akan datang, demi kebaikan generasi kita dan demi kebaikan keadaan negara kita pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin niehyehtuh masalah Kementerian Kerja Raya di bawah Maksud Bekalan B.52. Untuk menghidupkan ataupun untuk menyelenggarakan bangunan sekolah-sekolah. Rat'a-rata kita lihat secara rambang, sekolah-sekolah yang ada di dalam bandar adalah balik-baik belaka. Tetapi secara rambang juga kalau kita pandang bahawa di luar bandar, kurang baik sedikit. Kebanyakari di luar bandar masih ada lagi sekolah-sekolah yang menggunakan dinding-dinding kayu, dinding-dinding papan untuk murid-murid kita bersekolah.

Oleh sebab itu Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Kerja Raya dengan RM212 juta ini, bangunan sekolah-sekolah mestilah dikaji terlebih dahulu sebelum dilaksanakan walaupun ianya dibuat baru mahupun ianya diperbaiki ataupun dibaik pulih. Tiap-tiap kampung, tiap-tiap

daerah, tiap-tiap negeri, pegawai-pegawai yang bertanggungjawab untuk melaksanakan bangunan sekolah ini mesti dikaji dengan teliti. Maksud saya jangan sekolah yang sudah baik dibuat sekolah lagi. Sekolah yang sudah usang dibiarkan. Lebih-lebih lagi kalau kampung itu berjauhan dah pada bandar, maka kadang-kadang pegawai-pegawai yang bertanggungjawab kemungkinan tidak sampai ataupun hanya mendengar khabar-khabar angin sahaja sekolah ini baik tetapi keadaan yang sebenarnya sekolah itu amat usang untuk diduduki oleh murid-murid dan oleh guru-guru yang lersesajiwanya duduk di kampung-kampung.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab itu RM212 juta ini bukanlah satu jumlah yang kecil. Saya mengharapkan kalau dahulu saya difahamkan bahawa membaiki sekolah-sekolah ini terletak kepada Kementerian Pendidikan yang dikhaskan untuk menjaga sekolah-sekolah.

Tetapi kemungkinan kalau saya silap dalam keadaan ini saya minta maaf dan kepada menteri yang menjawab nanti harap diperbetulkan, "bagaimana caranya dahulu ini lain cara peruntukan dan hari ini lain cara peruntukan. Yang saya difahamkan bahawa Kementerian Pendidikan mempunyai 'satu bahagian yang menyelenggarakan sekolah-sekolah. Tetapi hari ini B.52 Kementerian Kerja Raya melaksanakan bangunan sekolah-sekolah.

Saya juga ingin menyentuh sedikit masalah jalan yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya di bawah Kementerian Kerja Raya. Misalnya ada jalan di kampung-kampung ia diselenggarakan oleh Jabatan Kerja Raya. Untuk kampung-kampung banyak jalan-jalan yang begitu kurang menyenangkan. Oleh sebab itu, kalau boleh Kementerian Kerja Raya cuba menekankan di luar-luar bandar lebih daripada dalam bandar ini. Tetapi ini perjuangan masing-masing. Orang Wakil Rakyat yang lahir di dalam bandar, dia

memperjuangkan dalam bandar. Saya lahir dari luar bandar, saya memperjuangkan hak-hak luar bandar. Oleh sebab itu, saya inginkan bahawa jalan-jalan di luar bandar di bawah penyelenggaraan Jabatan Kerja Raya dikaji balik dan diteliti, diperbaiki.

Sekarang ini banyak jalan-jalan yang sudah pecah dan keadaan hari ini baik juga saya bercakap kerana parti Pembangkang tidak ada, sebab hendak pilihan raya. Apabila menghadapi pilihan raya walaupun ianya kadang-kadang kita memikirkkan bahawa itu perkara kecil, orang kalau sudah hendak marah dengan kita, yang kecil pun dia boleh jadi besar. Yang kecil itu dibesarkan. Lebih-lebih lagi kalau parti Pembangkang. Dia tidak ada cara lain untuk mengambil hati rakyat. Oleh sebab itu perkara yang besar-besar dia tidak tahu. Perkara hal-hal luar negara mungkin dia tidak tahu. Tetapi untuk mengundi ialah rakyat-rakyat yang ada di dalam negara kita. Untuk mencari pengaruh, perkara-perkara kecil ini parti-parti Pembangkang akan membesarkan. Oleh sebab itu, jalan-jalan yang adadi kampung-kampung pada hari ini perlu diperbaiki demi untuk menyenangkan orang-orang kampung atau luar bandar membawa barang-barang dagangan mereka, seperti getah, padi dan lain-lain.

Oleh yang demikian, saya begitu berterima kasih kepada kerajaan kerana memperuntukkan RM212 juta kepada Kementerian Kerja Raya hanya untuk menyelenggarakan bangunan sekolah. Di sini saya difahamkan juga sekolah-sekolah ini, kalau bangunan itu dibuat, kita jangan lupa ia padang-padang yang ada dalam kawasan sekolah itu juga perlu diperbaiki. Ada sekolah, tidak ada padang, Ada padangnya pula sekolahnya jauh. Jadi, dalam keadaan ini kalau boleh, ada sekolah, ada padang, ada tempat riadah untuk murid-murid main, disiapkan betul-betul perancangan ini. Kadang-kadang di sekolah itu ada padang diambil buat sekolah. Sesudah dibuat, sekolah, padangnya tidak diganti.

Oleh sebab yang demikian, Jabatan Kerja Raya dan Kementerian Kerja Raya ini mesti memikirkan juga, bukan hanya hendak buat bangunan sahaja. Kementerian Kewangan pun saya berharap beri peruntukan lebih lagi supaya bangunan yang hendak dibuat ini disertakan dengan sekolah, dengan padang, dengah tempatriadah muhd-murid yang belajar di tempat itu -baru dia selesa. Dia hendak main selesa, dia hendak belajar selesa, dia hendak tonggang-tonggek pun selesa—maksud saya tempat riadah itu. Ada tempat dia berehat, kalau di kantin hendak buat itu, biar kantin itu elok-elok sedikit, biar ada kipas angin. Kalau dia hendak aircon itu mungkin lah agak tidak sesuai. Tetapi kalau ada lebih lagi kewangan, buat tempat bilik sejuk pun tak apa—aircon pun tak apa.

Jadi, bila semuanya sudah selesai, kita tidak boleh lagi mehyalahkan kerajaan. Rakyat tidak boleh menyalahi kerajaan lagi. Oleh sebab yang demikian, apabila hendak buat sekolah, sekali lagi saya ulang, biar ada padang, biar ada tempat riadah, pagar mesti disiapkan sekali. Oleh sebab yang demikian, saya merasakan bahawa kita dari saat ini, dari masa ke semasa, kemajuan dah juga di atas kebijaksanaan kerajaan kita mengambil hati rakyat, saya rasa kemungkinan besar bahawa kita akan berjaya mentadbir negara ini dengan lebih baik dan aman.

"Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh Maksud Bekalan B.38, Jabatan Pendaftaran Pertubuhan. Setakat ini saya mengucapkan ribuan terima kasih sebab banyak persaluan-persatuan' belia, pertubuhannya ' sudah ' mati. Memandangkan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan ini banyak menolong untuk hendak menghidupkan persatuan-persatuan yang telah mati, maka saya memikirkan dengan RM71 8,000 ini saya rasa Kementerian Kewangan dapat memikirkanlah. Walaupun ia akan diluluskan, lain kali Kementerian Kewangan beri lebih sedikit duitlah kepada

Jabatan Pendaftaran Pertubuhan ini. Sebab, saya memandangkan' di sini tanggungjawab dari masa ke semasa. Di dalam negara kita maju ini, pendaftaran pertubuhan ini sangat pertu. Semuanya apabila ada pertubuhan mesti didaftarkan. Kalau tidak didaftarkan, haram. Bila haram boleh masuk lokap, tanpa soal panjang. Oleh yang demikian, pendaftar pertubuhan kita mahu pegawai-pegawai ataupun jabatan ini supaya mengkaji- seluruh persatuan-persatuan yang ada di negara kita ini biar ianya berdaftar dan kita boleh tahu sebanyak mana pertubuhan-pertubuhan yang ada di negara-kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh Maksud Bekalan B.25, Kementerian Pertahanan. Kementerian Pertahanan kepadaperajurit-perajurit kita, saya merasakan bahawa kita perlu melaksanakan rumah untuk perajurit. Sehingga hari ini masih ada laporan di dalam media massa bahawa masih ada kekurangan rumah untuk perajurit-perajurit. Kita memohon kepada kerajaan-kerajaan negeri yang ada base ataupun kem-kem askar-askar ini supaya memberi tanah, supaya kerajaan ataupun Kementerian Pertahanan ini dapat melaksanakan pembinaan rumah di tanah-tanah yang ada di negeri masing-masing. Sebab, kepada beliau inilah kita menaruh kepercayaan mempertahankan keamanan di negara kita.

Oleh sebab itu, keselesaan hidup perajurit-perajurit ini perlu diambil berat supaya ianya mendatangkan kebaikan bukan sahaja kepada mereka tetapi ianya mendatangkan kesejahteraan kepada negara kita dan juga kepada rakyat keseluruhannya. Oleh yang demikian, dari RM80 juta ini, RM50 dikhaskan kepada Kementerian Pertahanan untuk perumahan dan RM30 kepada geran LTAT ini saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kementerian Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengakhiri saya ingin memasuki B.53 Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi.

FELDA difaharnkan sekarang ini ada di merata-rata tempat di negara kita. Tetapi bagaimana dengan-keadaan tanah yang ada di FELDA ini. Saya ingin bertanya Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, berapa banyakkah tanah rancangan FELDA ini telah diberi secara individu kepada peneroka-peneroka di seluruh negara dan berapa banyakkah tanah-tanah ini yang belum diberikan? Dan berapa "banyakkah seseorang itu menerima apa yang difahamkan bahawa seorang peneroka menerima 10 ekar tanah tiap-tiap seorang? Adakah 10 ekar tanah ini sekiranya ditanam dengan getah tnehukupi derigan syarat-syarat satu ekar berapa batang dan kalau 10 ekar, berapa batang?

Sebahari ini saya mendengar rungutan daripada peneroka-peneroka FELDA bahawa tanah yang diberikan oleh FELDA itu tidak cukup dengan hasil yang ditanam di dalam tanah itu. Oleh sebab itu, dia menyuarakan bahawa tuntutan bulanan tetap dengan apa yang ditetapkan oleh FELDA tetapi hasil untuk dikeluarkan daripada tanaman itu tidak cukup dengan apa yang sepatutnya ditanam di tanah yang 10 ekar itu. Misalannya, satu ekar tanah raesti ditanam 500 batang. Tetapi ada tanah-tanah ini satu ekar ditanam hanya 200 batang atau 250 batang tetapi hasil bulanan mesti seperti yang ada 500 batang tiap-tiap satu ekar ini.

Oleh yang demikian rungutan daripada peneroka-peneroka FELDA ini, kita mesti mengambil berat supaya kerajaan tidak dipersalahkan dalam keadaan-keadaan yang genting ini." Inilah ketikanya jika kerajaan hendak disalahkan dan kerajaan hendak dipuji. Dalam saat inilah, saat dalam 5-6 bulan ini, mencari kesalahan daripada kerajaan sahaja. Oleh sebab itu, saya ingin menyuarakan supaya, kalau kita boleh kesusilaan-kesilapan kita yang kecil ini dapat kita tutup sekarang, kita tutup; demi untuk menghadapi 5-6 butan yang akan datang ini dan seterusnya bertahun-tahun yang akan tiba.

Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh, cuma ini berilah geran. Ada separuh diberi dan ada separuh geran tidakdibeh. Ada separuh batunya ada dan separuh batunya tidak ada. Beri elok-elok, jangan peneroka-peneroka FELDA bergaduh antara satu dengan lain. Kadang-kadang 10 ekarmain-main pokok sahaja. Pokok itu ke pokok itu, "den punya" katanya-itu orang Negeri Sembilanlah itu. Jadi, ada yang batu-batu sempadan tanah-tanah FELDA ini telah hilang dan keadaan kawasannya, kalau dahulu berpagar, ini tidak berpagar lagi. Ini pun masalah juga.

Oleh yang demikian, kita mesti memikirkan juga bahawa keadaan hidup di FELDA ada FELDA yang begitu maju dan berjaya. Ada FELDA yang baru meneroka. Dia belum boleh dikatakan berjaya dan dia masih lagi memerlukan bantuan-bantuan daripada kerajaan, Begitu juga dengan keadaan rumah peneroka-peneroka FELDA kena juga diambil berat, diambil perhatian, bagaimana kita hendak mencari satu jalan supaya rumah-rumah peneroka-peneroka FELDA ini diperbaiki keadaan hidup memandangkan dibandingkan rumah-rumah yang ada di kawasan sekeliling beliau. Inijugaperlu kita ambil perhatian bagaimana cara untuk kita hendak mengatasi masalah-masalah ini.

Peneroka FELDA ada yang dapat RM150 pun ada. Ada yang dapat RM300, ada yang dapat RM500 dan ada yang dapat RM 1,000 lebih pun sebulan, tetapi bergantung kepada keadaan tempat dan hasil yang keluar dari kawasan tersebut. Oleh yang demikian, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi juga, sekali lagi saya menyeru supaya ianya dapat kita selidik lebih teliti dan sungutan-sungutan daripada peneroka ini eloklah diambil -perhatian. Janganlah dia melaporkan, 2-3 bulan, satu tindakan (action) pun tidak ambil. Ini pun susah juga kita.

Saya mengharapkan bahawa Kementerian Tanah dan Pembangunan

Koperasi ini, khususnya pegawai-pegawai bukannya satu tindakan itu hendak dilaksanakan serta-merta. Tetapi apabila ada aduan, ambil aduan itu sekurang-kurangnya ada balasan-balasan walaupun balasan dah pada kita membuat ceramah ataupun surat. Sekurang-kurangnya hati dia puas. Ini kadang-kadang dia merayu mengatakan tanahnya 10 ekar, pokok getah tidak cukup, pegawai kata "yalah-yalah", tetapi tindakan tidak ada. Ini pun masalah juga.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa cukuplah setakat ini yang dapat saya memberi satu pandangan, apa yang saya dengar di luar ladi, rang undang-undang ini, ramai sahabat saya tidak dapat. Saya tidak tahu mengapa tidak dapat tetapi ada 3-4 orang mengatakan dia tidak dapat Rang Undang-undang Perbekalan ini dan mungkin juga yang lain, dia tidak dapat. Oleh sebab itu, saya mengharapkan lain kali dipastikan bahawa semua Bill-bill ini sampai kepada tangan Ahli-ahli Yang Berhormat supaya dapat -kita membincangkan. Sebab apabila tidak ada ini, macam saya pun baru dapat tadi. Kita tidak dapat hendak mengatakan apa sepatutnya ditulis, apa patut dirancang dan apa patut dikhabarkan dalam Dewan yang mulia ini.

Oleh sebab itu, kita tidak mahu bahawa kita datang ke sini terpingga-pingga dengan keadaan yang begitu tidak tentu hala. Oleh sebab itu? saya sekali-lagi berharap Tuan Yang di-Pertua ambil berat masalah ini bahawa semua Bill-bill ini biar sampai betul-betul. Tanyalah Ahli-ahli Yang Berhormat ini. Telefon dia apa salah. Rumah masing-masing ada telefon. Sudah dapat atau belum. Ini bila saya dengar di luar ini, "Yang Berhormat dapat Bill ini?" "Saya tidak dapat." Yang Berhormat itu kata, "Saya pun tidak dapat". Jadi.....

Tuan Yang di-Pertua: Saya akan siasat, Yang Berhormat.

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad: Bukan "akar siasat" mesti siasat. (*Ketawa*) Jadi, minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab itu, kadang-kadang kita tidak dapat cakap lagi kerana Bill ini tidak ada. Lulus, terus lulus sahaja. Tidak dapat hendak bincang. Apamacam? Lulus, lulus. Besok orang cakap "Ah, Dewan Negara adalah rubber stamp". Sudah timbul balik masalah itu tetapi daripada mana punca masalah ini? Tuan Yang di-Pertua perlu kaji.

Dengan ini, saya dengan rasa dukacita menyokong Rang Undang-undang yang disebut Kumpulan Wang Disatukan untuk Perbelanjaan Tambahan bagi Perkhidmatan Tahun 1994. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tiian Ding Selirig.,

5.38 ptg,

Tuan Ding Seling: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi saya peluang untuk bangun bersama-sama membahaskan satu Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1994) (No. 2) 1994.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan saya, saya irigin menyeyhtuh sedikit mengenai beberapa perkara. Yang pertama ialah dalam Anggarah Perbelanjaan Mengurus Tambahan Maksud Bekalan B.7 iaitu mengenai tambahan sebanyak RM123 juta yang dikehendaki untuk membiayai perbelanjaan berikut-sebanyak RM98,660,000 untuk melaksanakan projek-projek kecil, infrastruktur kemudahan-kemudahan awam dan sosial.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya sangat bangga dan ingin menyokong penuh Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini. Selain dari yang lain, oleh kerana saya rasa ini adalah satu bukti kerajaan kita menunjukkan keinsafan dan keprihatinan terhadap pembangunan infrastruktur dan kemudahan-kemudahan awam dan sosial.

Saya bercakap sebagai seorang yang datang dari luar baridar yang seringkali menghadapi keadaan infrastruktur yang begitu merosot ataupun belum sempurna dan seringkali membuat perbandingan apa yang ada di tempat-tempat yang lebih maju, misalnya di bandar-bandar besai di Sarawak dan juga di Semenanjung ini. Kalau dibanding dengan apa yang ada di tempat-tempat pedalaman seperti di hulu-hulu sungai, tempat-tempat 'long houses' atau rumah panjang di Sarawak termasuk juga Sabah dan satu dua tempat yang saya pernah pergi di Semenanjung ini. Saya rasa tambahan perbelanjaan ini adalah satu buktinya yang kerajaan memikir juga mereka yang tinggal di kawasan pedalaman.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap khusis mengenai long house atau rumah panjang di Sarawak. Di Sarawak seperti kita sedia maklum penduduk-penduduk di Sarawak tinggal di tebing-tebing sungai dan mereka kebanyakan duduk di rumah-rumah "rumah panjang" yang tidak mempunyai bekalan api yang sempurna. Bekalan api yang sentiasa ada sekarang ini di kawasan pedalaman atau di rumah panjang hanyalah menggunakan generator-generator kecil yang sentiasa sahaja rosak, bukannya sahaja kerana dia jauh, tetapi oleh kerana mereka yang pandai menguruskan atau menjaga generator itu tidak ada. Oleh yang demikian, saya rasa adalah baik sekali sekiranya pihak kerajaan memikirkan bagaimana caranya kita mengagihkan bekalan api atau bekalan elektrik kepada mereka yang jauh di kawasan pedalaman.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin cerita sedikit, saya pernah pergi ke negara jiran di hulu sungai. Di situ saya sangat bangga melihat bahawa kampung-kampung di pedalaman walaupun tempat itu sangat jauh daripada bandar besar, tetapi mereka mempunyai saluran-saluran elektrik dan kampung mereka mempunyai bekalan elektrik yang sentiasa ada iaitu yang tidak berputus; Oleh yang demikian, mereka boleh membeli televisyen misalnya, yang menjadi satu cara untuk mereka mendidik diri dari

segimendapat maklumat-maklumat dari apa yang berlaku di dalam negara mereka dan juga apa yang seharusnya disebarkan oleh kerajaan, disampaikan ke peringkat-peringkat yang begitu jauh ataupun terke bawah dalam golongan masyarakat kita. Dengan itu saya rasa adalah mudah sedikit sekiranya kerajaan kita hendak menyebarkan maklumat-niaklumat jika ada bekalan elektrik, maka dengan itu kemudahan-kemudahan seperti televisyen dan seterusnya boleh digunakan selain daripada yang menggunakan bateri, yang boleh digunakan untuk mendapat maklumat. Dengan itu bolehlah mereka belajar dengan sendiri dan mendedahkan diri mereka mengenai apa yang berlaku dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa negara kita pun kalaulah mendapat bekalan elektrik yang begitu besar nanti, walaupun sekarang sudah ada dan agak banyak juga, misalnya di Sarawak; hanti kalaulah kita mendapat bekalan hidro elektrik dari Bakun ataupun dari generator-generator yang menggunakan batu arang; maka saya rasa elok juga.

Saya ingin mencadangkan supaya kerajaan merancang agihan-agihan elektrik itu ke kawasan pedalaman, sekurang-kurangnya ke bandar-bandar yang kecil ataupun di kampung-kampung yang ada lebih daripada 200-300 orang penduduk, di mana mereka boleh menggunakan elektrik itu bukan sahaja untuk lighting-their house, dengan izin. Tetapi juga dengan menggunakan alat televisyen, seperti yang saya sebut tadi untuk mereka bukan sahaja menghiburkan diri, tetapi juga yang penting sekali mendapat maklumat-maklumat daripada kerajaan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perbelanjaan iri, iaitu wang yang diperuntukkan ini, saya sebenarnya ingin mencadangkan agar projek-projek kecil, infrastruktur, kemudahan awam di tempat-tempat seperti di hulu-hulu sungai, di Sarawak, supaya kerajaan memberi

tumpuan atau perhatian yang khusus kepada tempat-tempat itu. Ini adalah kerana mereka dari tempat-tempat seperti itu jarang sekali boleh menghubungi pihak-pihak kerajaan, mahupun pihak pentadbir. Walaupun mereka boleh menghubungi, tetapi, kadangkala, cara mereka menghubungi pihak pentadbir seperti district officer atau pegawai daerah ataupun pihak-pihak pegawai kerajaan yang lain, tetapi mereka tidak begitu pandai ataupun cekap untuk membentangkan pennohonan mereka.

Jadi, di sini saya ingin cadangkan kepada supaya pihak kerajaan, pihak kementerian tertentu supaya memberi satu arahan ataupun satu cadangan kepada pegawai-pegawai pentadbiran di kawasan pedalaman, supaya mereka sendiri boleh menghubungi penduduk-penduduk kampung dan mendapat maklumat yang khusus mengenai apa dia sebenarnya keperluan mereka khususnya keperluan kemudahan-kemudahan awam di tempat-tempat itu. Kerana sebagai seorang dari luar bandar, dari kampung saya atau kampung-kampung yang lain jiran saya, sebenarnya tidak melihat begitu banyak kemajuan dari segi perubahan, bentuk dan bukan sahaja rupa tetapi ketiadaan kemudahan asas di sekitar kampung-kampung. Jadi, bermakna dalam fikiran saya apabila lihat keadaan kampung, long houses yang begitu tidak sempurna, saya rasa begitu hampa, kerana 30 tahun kita telah merdeka, keadaan yang seperti itu tidak begitu jauh berbeza dari 30 tahun dahulu. Inilah keadaan di rumah-rumah panjang, Tuan Yang di-Pertua.

Walaupun saya mengakui, saya mengucapkan terima kasih juga kepada kerajaan, bukan sahaja kepada Kerajaan Pusat dan juga Kerajaan Negeri, saya mengakui banyak juga yang telah dilakukan, misalnya bekalan air dan juga bekalan api yang saya sudah sebut tadi dari segi generator kecil, tetapi bekalan ini adalah, dengan izin, short term supply. Oleh kerana 'bekalan air misalnya menggunakan gravity- field'. Gravity

field' ini biasanya apabila ada hujan lebat, sungai kecil yang digunakan itu akah banyak membawa batu ataupun menyebabkan erosion, dengan izin, maka supply atau bekalan air tadi akan menjadi rosak ataupun teruk dan seterusnya bekalan tadi harus diperbaiki lagi dan orang-orang kampung terpaksa juga balik semula untuk mengambil air dari sungai-sungai besar yang berdekatan dengan mereka. Dalam erti kata yang lain, bekalan air mereka adalah tidak sempurna. Begitu juga dengan api yang saya sudah sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merayu agar pihak kerajaan mengambil berat tentang infrastruktur projek-projek kecil ini supaya apa yang dilakukan bukan sahaja untuk mengatasi masalah semasa untuk tempoh masa yang "pendek sahaja atau sebelum ada pilihan raya, ataupun ada masalah yang genting sahaja, tetapi dengan tujuan supaya apa yang digunakan atau dibangunkan tempat itu adalah untuk satu generasi atau sekurang-kurangnya untuk 10 tahun ke hadapan supaya mereka yang tinggal di kawasan pedalaman itu boleh membuat rancangan untuk bersama-sama dengan kerajaan, membangunkan diri mereka dari segi sosial dan ekonomi. Kalau kita sentiasa sahaja menumpukan perhatian kepada, bekalan asas seperti api, air seperti saya katakan tadi iaitu terlalu menumpukan perhatian kepada itu maka kita kuranglah tenaga dan perhatian kepada pembangunan yang lain daripada segi sosial dan ekonomi. Dengan kata-kata itu mengenai bekalan ini, saya ingin menyokong supaya bekalan ini akan diluluskan nanti.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin juga menyentuh Maksud B.17. Saya begitu kagum mendengar rakan saya di sebelah sama berbincang secara panjang lebar mengenai latihan-latihan yang harus kita berikan kepada belia-belia. Saya pun ingin bercakap sedikit iaitu dari sudut orang-orang yang tinggal jauh dari bandar, iaitu mengenai latihan-latihan yang harus kita berikan kepada belia.

sebanyak RM20 juta bagi Kementerian Sumber Manusia.

Saya sudah memberi cadangan ataupun hujah-hujah tadi mengenai seruan saya bagaimana kita boleh menggunakan tenaga belia. Di sini walaupun tiada sentuhan mengenai latihan, saya ingin menyeru secara khususnya supaya Kementerian Sumber Manusia membuat satu kajian yang mendalam apakah peratusan ataupun pembahagian rakyat kita khususnya lepasan sekolah iaitu mereka yang baru sahaja keluar dari sistem pendidikan kita yang boleh dilatih untuk menjadi pekerja-pekerja buruh dan seterusnya berkemahiran dalam negara kita ini; Saya menyebut perkara ini oleh kerana saya mendapat tahu daripada beberapa laporan dan juga dari statistik tertentu, sama ada betul atau tidak, mengenai labour force ataupun pekerja kita di Malaysia ini, di bidang pembangunan perladangan.

Kalau di Semenanjung Malaysia saya lak tahu, tetapi kita dapati di Sarawak— ini agak sensitif juga, tetapi, minta maaf, kita dapati tidak kurang daripada 80% pekerja-pekerja adalah dari negarajiran. Tetapi kita dapati banyak juga orang-orang kita yang tidak mempunyai pekerjaan yang tetap ataupun mendapat gaji tetap. Mereka bekerja sendiri; membuat ladang sendiri, tetapi mengikut cara-cara yang lama dan ada juga yang mencari kerja ke sana-sini. Saya terfikir bagaimanakah kalau kita benarkan keadaan itu berterusan; kerja-kerja kita di tempat ladang dan juga di industri-industri tertentu yang telah diambil oleh orang-orang luar, iaitu bukan warganegara kita. Adakah ini sihat bagi negara kita sekiranya kita benar dan biarkan orang dari luar membuat kerja-kerja walaupun kerja buruh tadi. Apakah yang terjadi sekiranya ada perubahan dari segi perhubungan kita dengan negara jiran sekiranya kita tak boleh membawa mereka ataupun pekerja-pekerja tadi, apa yang akan terjadi kepada aktiviti-aktiviti kita seperti ladang tadi.

Jadi, dengan itu saya rasa adalah agak merbahaya sekiranya kita agak dependent, dengan izin, kepada pekerja-pekerja dari luar negara kita bukan sahaja sebagai buruh, mungkin juga ada pihak aiasan yang lebih mahir lagi. Saya rasa mereka yang mempunyai pengalaman dari segi mengurus ladang di Semenanjung Malaysiapasti tahu bahawa banyak kerjakeja mahir, semi skilled', dengan izin, di Semenanjung ini juga adalah terdiri daripada orang-orang luar negara kita. Jadi, apakah yang terjadi sekiranya mereka ini balik ke negara sendiri dan apa akan terjadi kepada perubahan kita?

Jadi, dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat satu rayuan kepada Kementerian Sumber Manusia khususnya, tetapi kepada negara amnya supaya sekali lagi memberi perhatian kepada perkara ini agar orang-orang kita tidaklah memilih sangat mengenai apa yang harus mereka buat. Saya tahu juga bahawa banyak anak-anak peladang di Semenanjung ini tidak niahu lagi menjadi penduduk di ladang, tetapi mahu bekerja di bandar. Jadi, apakah yang berlaku nanti kalau mereka semuanya ini tidak mahu lagi tinggal di luar bandar untuk menguruskan ladang-ladang semua. Kita di Sarawak sedang pun membangunkan ladang-ladang besar, tetapi sudah pun tidak cukup orang tembatan, jadi apakah yang mungkin berlaku sekiranya permulaan seperti ini kita telah gunakan orang-orang luar? Apakah yang akan berlaku nanti apabila sampai masanya kita menuai dan juga memproseskan hasil-hasil ladang kita itu kalau tidak ada orang-prang kita mahu ataupun boleh bekerja dalam ladang kita itu? Jadi, dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyeru agar kerajaan kita melihat masa hadapan bagaimanakah kita boleh menentukan bukan sahaja industri, tetapi ladang kita boleh diimajinasikan oleh kita sendiri.

Tuan-Yang di-Pertua, saya ingin juga sentuh sedikit mengenai Maksud B.39.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita dapat meneliti secara mendalam budak-budak ataupun belia-belua yang tinggal di luar bandar, sekiranya mereka dalam lingkungan umur 12 sehingga 19 tahun, mereka ini adalah natural athlete ataupun yang mempunyai kebolehan menggunakan otot-otot mereka dengan begitu cekap. Ini secara am, kerana mereka hidup di tempat-tempat yang begitu sukar untuk dikunjungi baik dari segi jalan, kenderaan yang tidak begitu sempurna. Di antara mereka ada yang menggunakan perahu dan ada juga mereka yang berjalan kaki untuk ke sana ke mari. Jadi, mereka ini mempunyai latihan sejak kecil lagi menggunakan otot kaki dan tangan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan saya ialah, kalau boleh pihak Kementerian Belia dan Sukan cuba mengenalpastikan adakah di antara belia-belua yang di luar bandar itu yang mempunyai bakat yang boleh kita gunakan sebagai 'long distance runner, dengan izin.

Sambil saya berucap ini, saya teringat, dahulu ada seorang 'long distance runner' dari sebuah negara di Afrika yang bekerja sebagai 'shepherd'. Latar belakangnya ialah menjaga kambing bebiri dan dia selalu sahaja berjalan mengikut kambing bebirinya dan gambaran ini kepada saya boleh juga kita gunakan kepada belia-belua kita dari luar-luar bandar ini. Mereka ini telah melatih diri baik dari segi menggunakan badan mereka ataupun kaki mereka. Jadi, mereka mempunyai kebolehan dan dengan kebolehan atau dengan izin, dexterity ini mungkin boleh kita gunakan untuk melatih mereka di dalam athletics.

Jadi, cadangan saya secara khususnya ialah supaya ada pegawai-pegawai daripada kementerian kita membuat liputan ataupun pergi ke sekolah-sekolah rendah di kampung-kampung pedalaman untuk cuba mengenalpasti adakah belia-belua di situ yang boleh kita gunakan untuk dilatih supaya menjadi seorang ahli sukan yang begitu baik dan cekap.

Dengan itu, saya sebenarnya ingin menyentuh golongan belia dari luar bandar secara am.

Dalam perjalanan saya ke luar bandar, saya sering menemui budak-budak dalam lingkungan umur 13, 14 dan 15 tahun yang mengatakan mereka tidak pergi ke sekolah lagi oleh sebab-sebab tertentu. Apabila mereka ditanya apakah kerja mereka, mereka hanya mengatakan mereka buat itu dan ini dan kesemuanya tidak mempunyai masa depan yang begitu cerah. Saya rasa mereka ini tidak mempunyai pandangan masa hadapan yang begitu baik. Jadi, apakah masa hadapan mereka ini sekiranya kita atau pihak kerajaan tidak mempunyai rancangan untuk melatih mereka baik dari segi sukan ataupun dari segi kemahiran dan latihan yang tertentu yang mereka boleh gunakan tenaga mereka untuk kebaikan mereka sendiri?

Di sini saya teringat apabila apabila melihat budak-budak dari negara jiran dari lingkungan umur yang sama yang saya sebutkan tadi, iaitu belasan tahun. Mereka mempunyai pendedahan dari segi kerja-kerja di ladang seperti ladang kelapa sawit ataupun ladang-ladang yang lain di negara jiran. Saya rasa, mungkin boleh juga kerajaan kita membuat rancangan seperti ini ataupun memberikan mereka galakkan bagaimana caranya kita memberi latihan kepada belia-belua atau lepasan-lepasan sekolah itu supaya mereka mempunyai latihan yang sesuai yang boleh mereka gunakan untuk kebaikan mereka sendiri. That is to say, so that they can become useful economic men not only for themselves but also for the community, dengan iziri. Jadi, di sini saya ingin menyeru supaya kerajaan cubalah mengenal pasti bagaimanakah caranya kita patut menggunakan tenaga belia-belua ini bukan sahaja di segi sukan tetapi juga di segi pekerjaan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan itu saya juga ingin menyentuh Maksud B.45 iaitu perbelanjaan tambahan

Saya mohon maaf, Tuan Yang di-Pertua, kerana selalu juga saya menyentuh kerja-kerja Jabatan Pendaftaran Negara dalam Dewan yang mulia ini. Tetapi saya terpaksa juga, oleh kerana apabila balik, apabila "pergi ke-kawasan-kawasan pedalaman, di hulu; saya 'selalu juga dihubungi oleh, penduduk-penduduk yang mengatakan "kad pengenalan saya ataupun sijil lahir anak saya belum lagi sampai, bagaimana, cara saya mendapatnya" dan sebagainya—rayuan-rayuan seperti itu/Saya sendiri pernah bawa resit mereka untuk dihantar kepada pejabat-pejabat tertentu di bandar, kadangkala diberitahu belum ada ataupun belum dikesan, dan adalah jawapan-jawapan seperti itu. Saya tahu bahawa Jabatan Pendaftaran Negara telah melakukan banyak tugas ataupun memberi banyak khidmat yang begitu baik/ Saya sebenarnya telah mehdengar bahawa ada pegawai, bukan pegawai lelaki tetapi pegawai perempuan yang pernah pergi ke-kawasan-kawasan pedalaman. Dalam bahasa-Inggeris, -take my hat of this officer, kerana "sudi' pergi untuk melakukan tugas mendaftar, untuk menentukan ada orang-orang yang didaftar pada itu boleh didaftarkan dan seterusnya boleh dikeluarkan kad pengenalan mereka ataupun sijil lahir dan sebagainya. Saya tahu ini dan saya ingin ucapkan terima kasih kepada mereka semuanya. Tetapi bagaimanakah ataupun kenapakah ma*sih lagi ada ramai"orang yang mengatakan saya telah memohon sejak tahun 1986 lagi sampai sekarang belum ada jawapan, ada juga sebegitu.

Oleh kerana saya dari pihak kerajaan ataupun menganggapkan diri 'sebagai orang kerajaan, saya selalu bertanya mereka seperti itu adakah ini benar adakah anda ini 'benar-benar mengikuti p rkembangan permohonan anda' itu? Adakah benar anda memohon ataupun adakah ini menjadi satu tuduhan terhadap pihak kerajaan? Jawapannya adalah berbeza. Memang mereka katakan telah memohon beberapa tahun, tetapi belum lagi mendapat. Ada satu tempat yang pernah saya pergi dalam dua tahun yang

dahulu yang mengatakan 99% mereka di situ walaupun berada di Malaysia ini sebelum 1963 dahulu, merekabelum lagi mempunyai kad pengehalan. Oleh yang demikian, mereka itu tidaklah layak untuk menjadi voters, dengan izin, walaupun saya tidak begitu ambii berat mengenai perkara itu, oleh kerana saya bukanlah satu elected member, tetapi saya berasa ini adalah satu perkara praktis yang berkaitari dengan cara warganegara kita untuk praktis mengamalkan demokrasi dalam negara kita ini.

Jadi, di sini,-Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memohon Jabatan Pendaftaran Negara untiik merigkaji secara mendalam bagaimana caranya jabatan ini, khususnya bagi kita di negeri Sarawak, mungkin ada Sabah -juga,- mungkin di sini juga boleh menguruskan 'pengeluaran kad pengenalan yang masih lagi belum dibuat itu. Di sini saya tidak memikirkan mengganti kad pengenalan, tetapi yang belum ada, sekali lagi—orang Penan ada juga. membuat-rayuan kepada saya dan telah menunjukkan bahawa sebahagian daripada mereka sebenarnya telah memohon, tetapi apa yang terjadi kepada permohonan mereka itu saya tidak dapat kesan apa yang berlaku.

Saya ceritakan perkara ini oleh kerana saya ingin memberi penjelasan bagaimana dan"kenapa perkara ini berlaku. Saya rasa ini adalah sebab mereka jauh, itulah sebabnya saya ingin merayu di sini, dalam Dewan yang mulia ini supaya pihak authority; yang berkenaan itu memberi perhatian yang teliti kepada mereka yang tidak boleh membuat permohonan yang sempurna atau permohonan mereka yang tidak boleh diuruskan dengan sempurna.

Saya sebutkan perkara begitu oleh kerana ada juga jawapan-jawapan yang saya dapat dari pejabat-pejabat tertentu yang merigatakan: "Ini tak sempurna, gambar tak sempurna, tidak ada tandatangan", dan sebagainya:

Jadi, kalau kita hendak meminta mereka itu hendak menandatangani ataupun menyempumakan permohonan mereka untuk sendiri ataupun menghantar surat kepada mereka, mereka tidak boleh buat. Secara terus terang saya katakan mereka tak boleh buat, hanyalah kita yang tahu boleh aturkan bagaimana mereka boleh buat, barulah mereka boleh sempurnakan permohonan mereka. Saya tahu ini adalah bukan masalah jabatan, ini adalah sebenarnya masalah sosial di mana mereka yang tidak mempunyai kad ataupun dokumen tertentu itu adalah dari golongan masyarakat kita yang buta huruf ataupun semi-illiterate dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua dengan kata-kata itu saya di sini ingin menyokong rang undang-undang ini, dan sedikit sebanyak yang saya sebutkan tadi walaupun tidak begitu sempurna caranya saya membentangkan, ini adalah dengan jujur dan dengan penuh harapan khususnya mengenai beliau dan kad-kad pengenalan tadi dan seterusnya berkenaan dengan kemudahan-kemudahan asas tadi, agar perkara ini boleh diberi perhatian yang begitu teliti dan boleh sedikit demi sedikit diselesaikan.

Dengan itu saya sekali lagi menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Nampaknya tidak ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap, saya minta Timbalan Menteri Kewangan menjawab.

6.14 ptg,

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Mustapa bin Mobamed): Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kememernian Kewangan saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan untuk membicarakan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 1994,

Perkara-perkara yang disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat adalah luas skopnya dan ada di antaranya terkeluar daripada tambahan yang diperuntukkan. Oleh hal yang demikian jika ada perkara-perkara yang tidak saya sentuh apabila menjawab perbincangan ini, saya berharap Ahli Yang Berhormat akan membangkitkannya semasa kita membahaskan perutusan Belanjawan Menteri Kewangan yang akan dibentangkan pada hari Isnin 19hb Disember akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, perlama Yang Berhormat Dr. Toh Kin Woon bercakap tentang beberapa perkara khususnya berkaitan dengan pendidikan.

Yang pertama, yang disentuh pendidikan tinggi dan yang yang kedua ialah kekurangan guru di sekolah-sekolah. Saya ingin menjelaskan bahawa kedua-dua perkara ini tidak termasuk dalam perbelanjaan tambahan yang dipohon diluluskan melalui rang undang-undang ini dan saya percaya Yang Berhormat Dr. Toh akan membangkitkan dua perkara ini semasa membahaskan perutusan Belanjawan oleh kerana beliau bukan sahaja merupakan seorang pendidik tetapi juga seorang pendidik yang terkemuka. Beliau adalah merupakan guru saya dahulu dan saya tahu beliau seorang yang gigih dan saya percaya, beliau akan membangkitkan kedua-dua isu ini yang pertama, pendidikan tinggi dan juga berkaitan kekurangan guru apabila kita membahaskan perutusan Belanjawan yang akan dibentangkan pada hari Isnin akan datang.

Mengenai perancangan bandar yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dr. Toh Kin Woon, perkara ini diambil perhatian oleh wakil Jabatan Perancang Bandar dan Desa, pegawai-pegawainya ada. Beliau antara lain mencadangkan agar Jabatan Perancang Bandar dan Desa ini bukan sahaja merupakan agensi yang meluluskan tetapi yang penting; yang

disarankan oleh beliau ia harus bertindak sebagai agensi yang merancang sebagai, dengan izin, sebuah planning agency. Beliau menyatakan bahawa tiada perangan yang rapi di kawasan-kawasan tertentu di Petaling Jaya dan juga di Pulau Pinang dan saya percaya perkara ini diambil perhatian oleh pegawai daripada Jabatan Perancangan Bandar dan Desa yang ada bersama-sama dengan kita pada petang ini.

Beliau juga menyarankan agar ditambah produk-produk pelancongan, diadakan produk pelancongan yang baru, menambahkan daya saing kita dan khususnya beliau menyarankan agar dipelihara alam sekitar dan diperbanyakkan lagi projek-projek dalam bidang eco-tourisme. Ingin dimaklumkan bahawa sebanyak mana mungkin memang kerajaan sentiasa memberi perhatian kepada isu-isu alam sekitar termasuk untuk memelihara alam sekitar dan projek-projek eco-tourisme juga sedang giat dilaksanakan oleh kerajaan dalam konteks untuk mempelbagaikan lagi produk-produk pelancongan untuk menambahkan produk-produk pelancongan yang baru dalam negara kita. Dengan itu kita berharap bahawa industri pelancongan akan berkembang dan tahun ini sepertimana kita tahu, seperti yang dilaporkan oleh media massa boleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, kita dapati bahawa, dengan izin, tourist arrival dalam negara" kita telah meningkat dengan tingginya dalam Tahun Melawat Malaysia II yang kita adakan. Ini menunjukkan bahawa usaha kita bagi meningkatkan peranan sektor pelancongan telah berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba membangkitkan banyak isu. Isu yang pertama yang dibangkitkan oleh beliau ialah berkaitan dengan sambutan Hari Kebangsaan. Antara lain beliau menyarankan agar rakyat jelata dilibatkan dengan lebih menyeluruh tagi apabila kita mengadakan 'perayaan Hari Kebangsaan,

Beliau kurang berpuas hati kerana nampaknya penglibatan orang ramai tidaklah begitu banyak dalam sambutan Majlis Hari Kebangsaan ini. Saya ingin memaklumkan bahawa untuk tambahan yang diperlukan ini kesemuanya sekali yang diperlukan ialah "RM14.4 juta. Daripada jumlah tersebut kira-kira RM4.5 juta adalah diperlukan untuk menampung tambahan perbelanjaan bagi menyambut Hari Kebangsaan tahun ini, satu angka yang besar yang diperuntukkan kerajaan bagi memastikan bahawa sambutan itu benar-benar bermakna. Dan saya ingin memaklumkan bahawa kerajaan baru-baru ini melaksanakan beberapa aktiviti yang memperlihatkan betapa kita prihatin untuk memastikan orang ramai dapat menyertai dengan berkesan sambutan Hari Kebangsaan ini. Antara contoh-contoh yang boleh kita berikan bagi menunjukkan betapa orang ramai dilihat sama, termasuklah upacara Mini Parlimen yang melibatkan kanak-kanak sekolah—perbelanjaannya berjumlah RM242,000, Pertandingan Lagu-lagu Patriotik—RM100,000, Pesta Lagu-lagu Popular Hari Kebangsaan—RM107,000, Persembaharian dan Permainan Rakyat yang diuruskan oleh Bandaraya—RM102,000, Persembahan Kesenian antara Kementerian-kementerian—RM222,000, Pertandingan Lanskap dan Halaman Cantik—RM1.1 juta. Pertandingan-pertandingan ini adalah di peringkat kebangsaan dan melibatkan seluruh tanah air dan ini merupakan satu aspek dimensi di mana kira-kira cuba melibatkan rakyat di dalam menyambut Hari Kebangsaan.

Begitu juga diadakan pertandingan pembersihan saluran perairan dalam bandar dan bandaraya di seluruh negara yang melibatkan peruntukan sebanyak RM650,000. Ini adalah antara contoh-contoh utama di mana kita telah berusaha untuk melibatkan rakyat dan dalam pada itu kita akur dengan pandangan Yang Berhormat Tuan Rahim yang meminta penglibatan rakyat' secara sukarela ditingkatkan. Beliau ada menyebut tentang

kehebatan sambutan Hari Kebangsaan di Indonesia dan kita percaya bahawa sambutan kita tidak kurang hebatnya.

Yang Berhormat Tuan Rahim juga ada mencadangkan tentang pemberian bendera-bendera kepada orang ramai untuk dipasang di rumah-rumah—kita ambil perhatian cadangan tersebut dan sambutan Hari Kebangsaan ini dibuat bukan sahaja untuk mengingatkan kita tentang pengorbanan yang dibuat oleh bekas-bekas pemimpin kita, tetapi juga untuk membolehkan kita mengeratkan perpaduan untuk meningkatkan silaturrahim dan memastikan negara kita akan terus menjadi sebuah negara yang utuh dan bersatu-padu.

Berkaitan dengan Hari Pahlawan, kita difahamkan bahawa kehadiran, walaupun ada kerusi kosong, adalah agak memuaskan dan dalam pada itu ada lagi yang perlu diperkemas. Beliau ada mencadangkan agar peruntukan disalurkan kepada surau, masjid dan sebagainya untuk majlis tahlil bagi menjadikan sambutan Hari Pahlawan ini lebih bermakna lagi. Cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Tuan Rahim ini kita akan ambil perhatian.

Yang Berhormat Tuan Rahim juga akan membangkitkan tentang Jabatan Pembedungan—berkaitan dengan parit dan longkang tersumbat, dan menyarankan agar peruntukan yang lebih diberikan kepada pihak-pihak yang berkenaan. Beliau juga menyarankan agar diadakan penyelarasan yang lebih baik, contohnya, penyelarasan dengan jiran-jiran ataupun pihak-pihak berkenaan yang berdekatan—antara lain adalah untuk mengelak peristiwa seperti banjir kilat yang kadangkala melanda Kuala Lumpur. Saya ingin memaklumkan bahawa peruntukan yang dipohon ini iaitu kira-kira RM745.00 adalah untuk membolehkan satu Jabatan Pembedungan ditubuhkan. Jabaian ini antara lain, tugasnya adalah untuk mengawal-selia. Biasanya apabila sesuatu perkhidmatan itu diswastakan maka

kerajaan akan menubuhkan satu badan kawalselia. Umpamanya, apabila kita menswastakan Jabatan Telekom yang menjadi Telekom Malaysia, maka ada Jabatan yang mengawalselia kegiatan telekom. Apabila kita menswastakan Lembaga Elektrik Negara menjadi Tenaga Nasional Berhad, maka ada jabatan untuk mengawalselia. Maka itu, dalam aspek pembedungan ini, oleh kerana kerajaan telah memutuskan untuk menswastakan kerja-kerja pembedungan ini di seluruh negara, di mana pihak Indah Water Konsortium telah pun diberikan kontraknya, maka sesebuah jabatan perlu ditubuhkan untuk mengawalselia kegiatan-kegiatan ataupun projek-projek yang dilaksanakan oleh IWK ini.

Jadi, peruntukan tambahan yang diperlukan adalah untuk maksud tersebut, untuk mengawalselia projek penswastakan ini. Dalam pada itu kita mengambil perhatian dan saya percaya pihak-pihak berkenaan mengambil maklum tentang cadangan Yang Berhormat Tuan Rahim siipaya diwujudkan penyelarasan yang lebih baik di antara pihak-pihak yang berkenaan bagi memastikan masalah-masalah dan gejala-gejala seperti banjir kilat yang berlaku akan dapat dikurangkan,

Berkaitan dengan sukan di peringkat daerah, kita difahamkan bahawa di bawah Program Rakan Muda, perkara ini memang diberikan tekanan. Kalau dahulu, sebelum ini umpamanya, sukan di peringkat daerah berjalan tetapi agak kurang memuaskan, antara lainnya kerana kekurangan peruntukan, tetapi dengan peruntukan yang besar yang disediakan oleh kerajaan di bawah Program Rakan Muda, antara aspek program ini ialah menambahkan kegiatan-kegiatan sukan di peringkat daerah. Kita tahu bahawa di peringkat akar umbil segala kegiatan itu dapat kita lakukan dengan berkesan, maka saranan Yang Berhormat Tuan Rahim itu akan dilaksanakan apabila Program Rakan Muda ini dilaksanakan oleh kerajaan.

Berkaitan dengan Flight 66 yang terhempas pada tahun 1989, kerajaan berpendapat oleh kerana peristiwa ini telah berlaku di negara kita dan beberapa persoalan telah dibangkitkan, termasuklah kemungkinan perkara ini dibawa kepada mahkamah antarabangsa yang melibatkan masa yang lama, yang mungkin melibatkan perbelanjaan yang besar, yang mungkin sedikit sebanyak menjejaskan nama negara.

Apabila sesuatu peristiwa itu dibawa ke mahkamah, maka segala-galanya akan keluar daripada closet, dengan izin, dan akan diselidik dan disoal-siasat dengan terperinci dan antara mungkin akan dibawa ke perhatian antarabangsa iaitu tentang beberapa peraturan kawalan udara dalam negara kita, dan ini boleh menjejaskan, bukan sahaja, keselamatan negara tetapi juga boleh menjejaskan nama negara, maka dengan itu kerajaan mengambil keputusan, adalah lebih wajar jika sekiranya, dengan izin, out of court settlement, dilaksanakan dan peruntukan tambahan ini adalah dengan maksud untuk niembolehkan/out of court settlement tersebut dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Jabatan Pendaftaran Negara, kita memang mengakui ada lagi jabatan-jabatan yang banyak terlibat dengan urusan orang ramai, di mana keadaannya kurang selesa, oleh itu kita sentiasa memberi perhatian kepada perkara ini dan kita memang berikhtiar dan berazam untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk rakyat dan dalam konteks itulah maka peruntukan tambahan diminta untuk membolehkan Jabatan Pendaftaran Negara menyediakan beberapa kaunter baru di tempat-tempat tertentu, termasuklah di pejabat-pejabatnya yang baru. Dengan peruntukan tambahan ini kita berharap bahawa perkhidmatan yang ditawarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara akan dapat disediakan dalam keadaan yang lebih selesa-lagi.

Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyambung pada hari Khamis, esok.

Tuan yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.